

1	١ . عاقبة الصبر على البلاء
5	٢ . التيسير في أداء العبادة
8	٣ . دلائل قدرته تعالى في خلقه
11	٤ . الإسلام دعوة إلى الحياة الكريمة
14	٥ . العبرة من القصص القرآني
17	٦ . فضله تعالى على العباد بخلق الليل والنهار
20	٧ . دلائل على وجود الله ووحدانيته
22	٨ . التبعيد الحقيقي
25	٩ . من صور النفاق
27	١٠ . أجر الصدقة وآدابها
29	١١ . الإيمان عقيدة وعمل
31	١٢ . الأمانة والعدل
33	١٣ . آداب التحية
35	١٤ . جزاء الحسنه والسيئة
36	١٥ . مبادئ مهمة

# نصوص مختارة

من

# القرءان الكريم

**TAFSIR**

**TINGKATAN 1**

للسنة الأولى

**BALASAN ORANG YANG BERSABAR DI ATAS UJIAN**

Firman Allah swt:

*Demi sesungguhnya! kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.( 155.)*

*(iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahab, mereka berkata: " Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali ".( 156.)*

*Mereka itu ialah orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya ; dan mereka itulah orang-orang yang mendapat pertunjuk hidayahNya.( 157.) - surah al Baqarah*

**Maksud perkataan:**

[لنبلونكم] Untuk kami uji kamu. Ibtilla' ialah ujian.

[الخوف] Berlaku perkara yang tidak diingini pada masa hadapan. Maksud di sini ialah ketakutan terhadap musuh dalam peperangan

[نقص من الأموال] Dengan dibinasakan sebahagiannya

[الأنفس] Dengan kematian kawan dan kaum keluarga

[الثمرات] Dengan kekurangan pokok yang berbuah dari kebiasaannya dan begitu juga dengan kekurangan benih tanaman

[الصابرين] Orang yang menanggung kesusahan, kesulitan dan musibah tanpa rasa marah dan gelisah.

[إنا لله] Kami adalah milik Allah, Ia boleh lakukan terhadap kami apa yang Ia kehendaki

[عليهم صلوات من ربهم] Selawat dari Allah ialah rahmat, yang dimaksudkan di sini ialah diampunkan dosa

[رحمة] Nikmat di dunia dan pahala di akhirat

[المهتدون] Diberi petunjuk berkata dan melakukan sesuatu dengan betul.

**عاقبة الصبر على البلاء**

قال الله تعالى:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَكَثِيرٌ

الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَٰئِكَ

عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾ سورة الأنفال : ٦٠

شرح المفردات:

لنبلونكم : لنمتحنكم والابتلاء والامتحان والاختبار

الخوف : توقع المكروه في الزمن المستقبل. والمراد هنا الخوف من العدو في الحروف

نقص من الأموال : بهلاك بعضها

والأنفس : بموت الأصحاب والأقارب

والثمرات : بقلتها في الأشجار المثمرة عن المعتاد، وقلة الحبوب في الزروع كذلك.

الصابرين : الذين يتحملون الشدائد والمتاعب والمصائب من غير سخط ولا جزع.

إنا لله : إنا ملك لله يتصرف فينا كيف يشاء

عليهم صلوات من ربهم : الصلاة من الله الرحمة. والمراد بها هنا مغفرة الذنوب.

ورحمة : الأنعام في الدنيا، والثواب في الآخرة

المهتدون : الموفقون للصواب في القول والعمل.

## Huraian Ayat:

Antara sifat semulajadi manusia, ketika berada dalam kenikmatan dan kemewahan ia akan leka dengan nikmat tersebut, lupa memperbanyakkan ketaatan kepada Allah dan mengingatiNya serta tanggungjawab hamba terhadap penciptanya. Keadaan tersebut menghayutnya tenggelam dalam hawa nafsu dan keseronokan hidup, seterusnya ia binasa bersama orang-orang yang binasa.

Kalaulah begitu keadaannya, selayaknya nikmat dan rahmat Allah terhadap manusia itu (ujian) : maka diuji manusia itu sebagai satu peringatan agar tidak lupa dengan nikmat tersebut dan menyelamatkannya daripada kebinasaan dengan mendidiknya hidup mulia melalui ujian tersebut.

(*Demi sesungguhnya! kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut*) kepada musuh dalam peperangan agar kita bersedia menghadapinya sebagaimana firman Allah swt : (*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan – surah al anfal : 60*)

Dan diuji dengan kelaparan disebabkan tidak turun hujan dan kering air sungai agar manusia tekun bekerja mencari rezeki dan memperolehi sesuatu itu dari keringatnya.

Diuji dengan kekurangan harta disebabkan kehilangan kerana dicuri atau rosak kerana kebakaran agar kita biasa dengan sifat jimat cermat dan menjaga harta dengan baik. (*Dan juga mereka (yang diedhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas, dan tiada bakhil kedekut, dan (sebaliknya) pembelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (borors dan bakhil) itu.– surah al Fuqan : 67*)

Diuji dengan kehilangan nyawa seperti kehilangan orang yang dikasihi, kaum keluarga dan rakan-rakan agar kita tidak disibukkan dengan mereka daripada melaksanakan tanggungjawab kehidupan.

Diuji dengan kekurangan hasil tanaman kerana rosak tanaman itu agar kita ingat nikmat Allah kepada kita ketika ketiadaan hasil tanaman itu dan agar kita dapat tunaikan zakat dan bersedekah kepada orang yang memerlukan apabila memperolehi hasil tanaman itu dan juga agar kita bersyukur dan mentaati Allah ("*Demi Sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, - surah Ibrahim: 7* ).

Antara kurniaan Allah kepada hambanya ialah mereka diberi ganjaran berganda daripada pengajaran dan tarbiah ini sekiranya mereka bersabar menghadapi ujian tersebut (*orang-orang yang sabar.\* (iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahab, mereka berkata: " Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali ".(- surah al Baqarah: 155-156).*)

Mereka yang bersabar mendapat tiga perkara:

- 1- selawat daripada tuhan mereka dengan diampunkan segala dosa mereka.
- 2- rahmat Allah dengan berkekalannya nikmat untuk mereka di dunia dan akhirat.
3. hidayat dan taufiq kepada mereka untuk berkata dan melakukan sesuatu dengan betul.

## المعنى :

من طبيعة الانسان، أنه إذا كان في نعيم ورحاء وصحة وعافية، فإنه يشتغل بالتمتع بهذه النعم، ويغفل عن كثير من طاعة الله وذكره، وواجبات خالقه. وقد يجره ذلك إلى الانغماس في الشهوات ولذائد الحياة فيهلك مع الهالكين.

لما كان كذلك اقتضت حكمة الله ورحمته بالانسان أن يتليبه بما ينهيه من هذه الغفلة، وينقذه من هذا الهلاك بتربيته على مبادئ الفضائل التي بها يحيا حياة طيبة كريمة بهذا الابتلاء (وَلَتَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ) من العدو في الحروب، حتى نستعد له كما قال تعالى: (وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِّن قُوَّةٍ) ، وبشيء من الجوع يمنع المطر، أو الماء في الأنهار، حتى نثابر على الجهد، والسعي على الرزق، والانتاج في الأعمال، وبشيء من نقص المال بهلاك بعضه بالسرقة أو الحرق، لتعود على الاقتصاد والمحافظة على المال ﴿ وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴾ ، وبشيء من نقص الأنفس بموت الأحباب والأقارب والأصحاب، حتى لاتشغل بهم عن محاولة وجبات الحياة، وبشيء من نقص المرات بقتلتها بهلاك بعضها بالآفات مثلا، لنذكر نعمة الله علينا عند فقد بعضها، لنؤدي زكاتها، ونصدق على المحتاجين عند وجودها، ونشكر الله ونطيعه ﴿ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ﴾ ومن فضله تعالى على عباده أنه يثيبهم زيادة على هذا التعليم و التربية إن صبروا على هذه الشدائد ﴿ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴾ أولئك لهم البشرى بثلاثة أشياء:

- ١- عليهم صلوات من ربهم بمرغفرة ذنوبهم
- ٢- ورحمة من الله بدوام الأنعام عليهم في الدنيا والآخرة
- ٣- وهدايتهم وتوفيقهم للصواب في الأقوال والأعمال

### Pengajaran daripada ayat-ayat ini:

- 1- Kesusahan dan perkara yang kita tidak sukai yang Allah uji kepada kita adalah mendidik sifat-sifat terpuji yang membantu kita untuk hidup mulia. Itu semua bukanlah kerana kemurkaanNya terhadap kita seperti yang dinyatakan dalam hadis nabi saw: “Sesungguhnya Allah memberikan dunia kepada orang yang ia suka dan tidak suka. Allah tidak akan memberikan agama kecuali kepada orang yang Ia suka”.
- 2- Manusia perlu bersabar atas kesusahan dan redalah dengan ketentuan Allah kerana itulah yang terbaik untuknya sekalipun ia tidak tahu hakikatnya (*boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, - al Baqarah: 216*)
- 3- Orang yang bersabar atas ujian ini, mereka akan mendapat pahala yang besar diakhirat kelak (*berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar – al Baqarah: 155*) dan mereka akan diberi taufik dan hidayah untuk melakukan kebaikan (*Itulah orang-orang yang mendapat petunjuk hidayahNya. - surah al Baqarah: 157*).

### ما ترشد إليه هذه الآيات

- ١- أن ما يبتلينا الله به من الشدائد وما نكره ليربينا على الصفات الحميدة التي تساعدنا على مزاوله الحياة الكريمة. فليس ذلك لغضبه علينا من الحديث (إن الله تعالى يعطي الدنيا من يحب ومن لا يحب و يعطي الدين إلا من أحب)
- ٢- يجب على الانسان أن يصبر على ما يكره ويرضى بتدبير الله له هو خير له، وإن كان لا يعلم. ﴿ وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ ﴾
- ٣- أن الصابرين على هذه الشدائد لهم الثواب العظيم في الآخرة ﴿ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴾ والهداية والتوفيق في الدنيا إلى الثواب ﴿ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴾.

## Pelajaran 2

### KEMUDAHAN DALAM MENUNAIKAN IBADAT

Firman Allah swt.:

*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadask kecil), maka (bewudhuklah) iaitu basuhlah mukamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali,; dan jika kamu junub (berhadask besar) maka bersucilah dengan mandi waji; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau sentuh perempuan, sedangkan kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah – debu yang bersih; iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah – debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung suatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berhendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*

surah al Maidah : 6

#### Maksud perkataan:

[إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ] Apabila kamu ingin menunaikan solat sedangkan kamu berhadask

[الْمَرَافِقِ] Kata jamak bagi marfaq – iaitu kawasan yang sampai ke siku lengan.

[أَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ] Huruf ba bermaksud “sebahagian” atau huruf tambahan – iaitu sapulah sebahagian kepala kamu atau sapulah seluruh kepala kamu.

[إِلَى الْكَعْبَيْنِ] Dua buku lali ialah dua tulang yang menonjol di dua bahagian pergelangan kaki

[جُنُبًا] Berhadask dengan hadask besar

[فَاطَّهَرُوا] Maka hendaklah kamu basuh

[الْغَائِطِ] Tempat rendah yang luas – yang dimaksudkan di sini ialah qada' hajat iaitu membuang air besar atau kecil

[لَمَسْتُمُ النِّسَاءِ] Kiasan bagi bersetubuh

[صَعِيدًا طَيِّبًا] Tanah di permukaan bumi yang bersih

## الدرس الثاني

### التيسير في أداء العبادة

قال الله تعالى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ  
وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ  
مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءِ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً  
فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ  
عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

سورة المائدة : ٦

#### شرح المفردات

إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ : إذا أردتم القيام لأداء الصلاة و أنتم محدثون

الْمَرَافِقِ : جمع مرفق - و هو ما يصل الذراع في العضد

أَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ : الباء للتبعيض أو زائدة - أي امسحوا ببعض رؤوسكم، أو امسحوا كل رؤوسكم

إِلَى الْكَعْبَيْنِ : الكعبان هما العظامان البارزان من جانبي الرجل عند مفصل الساق والقدم

جُنُبًا : محدثين حدثا أكبر

فَاطَّهَرُوا : فاغسلوا

الْغَائِطِ : المكان المنخفض الواسع - المراد به هنا قضاء الحاجة من التبرز أو التبول

لَمَسْتُمُ النِّسَاءِ : كناية عن الجماع

صَعِيدًا طَيِّبًا : الصعيد ما ظهر على وجه الأرض من أجزائها والطيب - الطاهر

[حَرَج] Kesulitan yang besar

[لِيُطَهِّرَكُمْ] Menghilangkan kekotoran lahiriah dari diri kamu dan dihapuskan dosa dengan wuduk dan mandi wajib

[تَشْكُرُونَ] Menghargai nikmat Allah dengan menggunakannya dalam ketaatan

### Sebab Turunnya Ayat:

Bukhari meriwayatkan daripada Aisyah rha berkata : “Kalung rantaiaku terjatuh di padang pasir ketika kami dalam perjalanan pulang ke Madinah. Rasulullah saw menundukkan badannya dan turun, lalu meletakkan kepalanya di pangkuanku sambil berbaring. Abu bakar masuk lalu menampar aku dengan kuat dan berkata: kamu menyusahkan orang ramai dengan rantaimu dan kamu inginkan kematian. Oleh kerana Rasulullah berada bersamaku, tindakan tersebut menyakitkan aku. Kemudian Rasulullah saw terjaga.

waktu subuh telah tiba dan baginda mencari air namun tidak menemuinya, lalu turunlah ayat ini (*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang ...*).

Usaid bin Hudair berkata: Allah memberkati manusia kerana kamu wahai keluarga Abu Bakar, kamu sebenarnya memberi berkat kepada mereka.

### Huraian Ayat:

Allah swt mengajar hambanya hokum-hakam agamaNya yang mengandungi kebaikan untuk mereka di dunia dan akhirat.

- 1- Allah menyuruh mereka membersihkan diri zahir dan batin apabila ingin menunaikan solat untuk bermunajat denganNya dan berdiri dihadapanNya. Wuduk adalah kebersihan. Kebersihan itu adalah asas kesihatan secara umum dan khusus. Pada wuduk itu terdapat keampunan dosa. Dalam hadis sahih menyatakan: Apabila seorang muslim berwuduk, ia membasuh mukanya maka gugurlah bersama air wuduk itu segala kesalahan yang dilihat dengan matanya. Apabila ia membasuh kedua tangannya maka gugurlah bersama air wuduk itu segala kesalahan yang dilakukan oleh tangannya. Apabila ia membasuh kedua kakinya maka gugurlah bersama air wuduk itu segala kesalahan yang dilakukan oleh kakinya, sehinggalah ia bersih dari segala dosa.
- 2- Allah menyuruh mereka mandi apabila berhadass besar, juga bertujuan membersihkan diri.

حَرَج : مشقة كبيرة

لِيُطَهِّرَكُمْ : يزيل عندما الاقذار الحسية، ويكفر الذنوب بالوضوء والغسل

تَشْكُرُونَ : تقدرون نعمة الله باستعمالها في طاعته

### سبب نزول الآية

روى البخاري عن عائشة رضي الله عنها قالت: سقطت قلادة لي في البيضاء (الصحراء) ونحن داخلون بالمدينة. فأناخ رسول الله ونزل ففتى رأسه في حجري راقدا، فأقبل أبو بكر، فلكنني لكزة شديدة وقال: حسبت الناس في قلادة فتمنيت الموت. لمكان رسول الله مني، وقد أوجعني ثم إن النبي استيقظ.

وحضرت الصباح فالتمس الماء فلم يجد، فنزلت الآية : ﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ ...﴾ ، فقال أسيد بن حضير: لقد بارك الله للناس فيكم يا آل أبي بكر، ما أنتم إلى بركة لهم.

### المعنى

يعلم الله عباده، من أحكام دينه، ما فيه خيرهم وصلاحهم في الدنيا والآخرة.

١- فهو يأمرهم بالطهارة الحسية والمعنوية إذا أرادوا الصلاة لمناجاته والوقوف بين يديه. فالوضوء نظافة وعلى النظافة تقوم أصول الصحة العامة والخاصة. وفي هذا الوضوء، غفران الذنوب. ففي الحديث الصحيح "إذا توضأ العبد المسلم، فغسل وجهه خرج من وجهه كل خطيئة نظر إليها بعينه مع الماء. فإذا غسل يديه خرج من يديه كل خطيئة بطشتها يده مع الماء، فإذا غسل رجليه خرجت كل خطيئة مشتها رجلاه مع الماء، حتى يخرج نقيا من الذنوب.

٢- وهو يأمرهم بالغسل عند الحدث الأكبر، للطهارة كذلك.

3- Antara rahmat Allah kepada hambanya yang beriman ialah Ia mensyariatkan tayammum kepada mereka ketika ketiadaan air, tidak boleh menggunakannya atau mudarat akan berlaku bila menggunakannya. Ini bagi membolehkan mereka menunaikan ibadat tanpa tanpa kesukaran untuk mencapai keredaan dan keampunan Allah.

4- Allah mensyariatkan hokum hakam berkaitan wuduk, mandi dan tayammum untuk membersihkan lahir dan batin serta menyempurnakan nikmatnya kepada kamu dengan menerima (ibadat kamu) ketika mengadapNya. Pensiyariatan ini juga bertujuan supaya mereka bersyukur padaNya dengan ketaatan dan menggunakan nikmat tersebut kepada perkara yang diredhaiNya untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

#### **Pengajaran Ayat:**

- 1- Disyariatkan (menjaga) kebersihan dengan wuduk dan mandi. Ini membuktikan Islam mengambil berat dengan kebersihan secara umum atau khusus dan membesarkan ibadat solat dan pengabdian pada Allah.
- 2- Ia menjelaskan agama itu mudah dan rahmat Allah terhadap hambaNya dengan mensyariatkan tayammum menggantikan wuduk dan mandi ketika tidak boleh menggunakan air.
- 3- Wajib membalas nikmat Allah dengan mensyukurinya. Ia mengajar hamba Allah dengan akhlak mulia dan membalas kebaikan dengan kebaikan.

٣- ومن رحمة الله تعالى بعباده المؤمنين، أن شرع لهم التيمم عند فقد الماء أو عدم القدرة على استعماله أو عند الضرر من استعماله، حتى يؤديوا العبادة بدون حرج لينالوا رضا الله وغفرانه.

٣- شرع الله ما تقدم من الأحكام في الوضوء والغسل والتيمم ليظهركم حسيا ومعنويا، ويتم نعمته عليكم بإقباله عليكم عند الوقوف بين يديه، ولتشكروه بالطاعة، واستعمال النعم فيما يرضيه، لتفوزوا بسعادة الدنيا والآخرة.

#### **ما ترشد إليه الآية**

١- مشروعية النظافة بالوضوء والغسل. وفي هذا دليل عناية الإسلام بالصحة العامة والخاصة، وتعظيم عبادة الصلاة والوقوف بين يدي الله.

٢- بيان يسر الدين، ورحمة الله بعباده حيث شرع التيمم بدل الوضوء والغسل عند تعذر استعمال الماء.

٣- وجوب مقابلة النعم بالذكر. وهو تعليم للعباد مكارم الأخلاق ومقابلة الإحسان بالإحسان

## BUKTI KEKUASAAN ALLAH PADA MAKHLUKNYA

Firman Allah swt:

. *Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu Ia bersemayam di atas 'Arsy (menurut cara yang layak bagiNya); Ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan pantas (silih berganti), dan (Ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.( 54)*

. *Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.( 55)*

. *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi, sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.( 56) Surah al A'raf : 54 - 56*

### Perbendaharaan kata:

[سِتَّةَ أَيَّامٍ] Kadar enam hari dunia

[أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ] Allah bersemayang mentadbirkan mengikut kehendaknya dan melaksanakan hukumnya.

[يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ] Kegelapan malam menutupi cahaya siang

[يَطْلُبُهُ حَيْثُ مَا] Malam mengejar siang dengan pantas tanpa ada pemisahannya

[لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ] Penciptaan ialah mencipta sesuatu daripada tiada. Perinta iaitu mentadbir dan mengurus makhluk ciptaannya mengikut kehendakNya

[مُسَخَّرَاتٍ] Perkara yang patuh taat mengikut apa yang dikehendaki Allah daripada terbit hingga terbenamnya matahari.

[تَبَارَكَ اللَّهُ] Maha mulia dan agong dan bertambah kebaikanNya

[تَضَرَّعًا] Merendah diri dan khususnya'

[خُفْيَةً] Secara sembunyi

## دلائل قدرته تعالى في خلقه

قال الله تعالى:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَيْثُ مَا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ ۗ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٥٤﴾ أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾ وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

سورة الأعراف : ٥٤ - ٥٦

### شرح المفردات

سِتَّةَ أَيَّامٍ : قدر ستة أيام من أيام الدنيا

أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ ۗ : استقام له تعالى الملك يدبره كيف يشاء، ونفذ حكمه سبحانه وتعالى

يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ : يغطي الليل بظلامه نور النهار

يَطْلُبُهُ حَيْثُ مَا : يطلب الليل النهار طلبا سريعا حتى يلحقه ويدركه ويخلفه ب فاصل

لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ : الخلق إيجاد الأشياء من العدم والأمر - التدبير والتصرف فيما خلق حسب إرادته تعالى.

مُسَخَّرَاتٍ : ماذا طائعات لما يراد منها من طلوع وغروب

تَبَارَكَ اللَّهُ : جل وعظم، وزاد خيره

تَضَرُّعًا : تذللا وخشوعا

خُفْيَةً : في خفاء (سر)



[لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ] Tidak suka keluar dari sempadan perintah Allah dalam semua perkara seperti berdoa dan lain-lainnya.

[خَوْفًا] Takut kepada azabNya

[ظَمَعًا] Mengharapkan pahala daripada Allah selepas melakukan perkara kebajikan.

[الْمُحْسِنِينَ] Orang-orang yang memperelokkan kerja mereka dengan penuh teliti dan ikhlas kepada Allah

#### Huraian Ayat:

Allah menerangkan kepada hambaNya cara beriman dan mentaatinya dengan melihat dan berfikir tentang makhluk ciptaannya yang agong seperti langit dan apa yang ada di sana – matahari, bulan dan bintang yang beredar mengikut perintah Allah, juga pertukaran malam dan siang berlaku dengan system yang begitu teratur tanpa apa-apa kecacatan. Bumi yang terdapat padanya sungai, bukit-bukau, hutan belantara, binatang-binatang dan apa yang ada di antara langit dan bumi seperti awan, udara dan angin. Semua itu diciptakan Allah dalam tempoh enam hari, tujuannya untuk mengajar kita supaya mempunyai peraturan dan tenang ketika bekerja agar dapat melakukannya dengan baik.

Ciptaan ini ditadbir oleh Allah dengan ilmu dan kehendaknya yang maha esa demi kebaikan makhluk ciptaanNya. Allah menjadikan waktu malam untuk beristirahat dan waktu siang untuk mereka bekerja.

Allah swt ialah pencipta dan pentadbir (alam ini) mengikut kehendak dan hikmahNya. Hamba Allah perlu bersyukur kepada Allah atas kurniaan yang besar ini atau nikmat yang banyak ini dan berdoa padaNya dengan khusyu' dan rendah diri. Takut kepada siksaanNya dan mengharapkan rahmat serta pahala daripadaNya. Janganlah mereka lakukan kerosakkan di muka bumi dengan maksiat selepas Allah memperbaikinya dengan memberikan nikmat-nikmat ini untuk kehidupan yang baik dan bahagia. Doa adalah sebaik-baik ibadat. Dalam hadis nabi saw menyatakan : “Doa itu adalah otak ibadat”. Allah menggalakkan (hambaNya) berdoa dengan firmanNya: *(Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. – surah al Mukmin / Ghafir : 60)*

#### Pengajaran Ayat:

- 1- Penciptaan yang agong ini menunjukkan kekuasaan, ilmu dan rahmat Allah swt.
- 2- Tunduknya segala makhluk ciptaan ini kepada satu system yang begitu teratur yang tidak ada sebarang kekurangan membuktikan keesaan Allah swt.
- 3- Wajib bersyukur kepada Allah swt atas segala nikmat yang diciptakan untuk manusia.
- 4- Seseorang itu perlu tekun dalam kerjanya agar memperoleh hasil yang baik dan mendapat pahala *(dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah berbuat baik, kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah), - surah al Qasas : 77).*
- 5- Mengadu kepada Allah dengan doa yang ikhlas dan rendah diri supaya doanya diterima oleh Allah swt.

لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ : لا يرضى عن الخارجين عن حدود ما أمروا به في كل شيء من الدعاء وغيره.

خَوْفًا : خائفين من عقابه

ظَمَعًا : راجين ثوابه بعد العمل الصالح

الْمُحْسِنِينَ : الذين يحسنون عملهم باتقانه والإخلاص فيه

#### المعنى

يوجه الله تعالى عباده إلى طريق الإيمان به وطاعته، بالنظر والتفكير في مخلوقاته العظيمة – من السموات وما فيها من شمس وقمر ونجوم مسخرات بأمره جل شأنه وما يحدث من ليل ونهار بنظام دقيق لا يختل. والأرض وما فيها من أنهار وجبال وأشجار وحيوان وما بين السماء والأرض، من سحب وهواء ورياح كل ذلك خلقه في مقدار ستة أيام ليعلمنا النظام والاطمئنان في الأعمال لإتقانها وإحسانها.

وهذه الخلق يديره تعالى بعلمه وإرادته وحده لا ريك له لصالح خلقه، فقد جعل لهم ليلا يستريحون فيه ونهارا يعلمون فيه يغش الليل والنهار يطلبه حثيثا. والشمس والقمر والنجوم مسخرات بأمره سبحانه وتعالى له الخلق فيخلق كيف يشاء، وله الأمر فيدبر ويتصرف في مخلوقاته وفق إرادته، فالله عز وجل هو الخالق والمدبر حسب إرادته وحكمته. وعلى العباد أن يشكروه سبحانه على هذا الفضل العظيم، وتلك النعم الكثيرة وأن يدعوهم بخشوع وتذلل خائفين من عقابه راجين رحمته وثوابه وألا يفسدوا في الأرض بالمعاصي بعد إصلاحها بخلق هذه النعم للحياة الطيبة السعيدة. والدعاء من أفضل العبادات ففي الحديث (الدعاء مخ العبادة) وقد رغب فيه تعالى بقوله ﴿ وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ ﴾

#### ما ترشد إليه الآيات

١- دلالة الخلق العظيم على قدرة الله وعلمه ورحمته.

٢- في خضوع هذه المخلوقات لنظام دقيق لا يختل دليل على وحدانيته تعالى.

٣- وجوب شكر الله تعالى على هذه النعم الكثيرة التي خلقها الله للإنسان.

يجب أن يتقن المرء أعماله ويحسنها حتى يستفيد منها، ويثاب عليها ﴿ وَأَحْسِن كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ﴾

٤- التوجه إلى الله بالدعاء بإخلاص وخضوع ليظفر الداعي بحسن القبول وعظيم الإجابة.

## ISLAM MENYERU KEPADA KEHIDUPAN YANG MULIA

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila Ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; kemudian ketahuilah bahwa Sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya dan Sesungguhnya kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan. (24)*

*Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tapi akan menimpa kamu secara umum). dan Ketahuilah bahawa Allah maha berat azab seksaNya. (25)*

*Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya serta tertindas di bumi, kamu takut orang-orang menangkap dan melarikan kamu, Maka Allah memberi kamu tempat bermustautin dan diperkuatNya kamu dengan pertolonganNya serta dikurniakanNya kamu dari rezeki yang baik-baik, supaya kamu bersyukur. (26) – surah al Anfal*

**Maksud perkataan:**

[أَسْتَجِيبُوا لِلَّهِ] Taatilah Allah pada perkara yang diserukan kamu kepadanya

[لِمَا يُحْيِيكُمْ] Kerana ada padanya kehidupan yang baik di dunia dan akhirat

[يُحَوِّلُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ] Mampu mengubah apa yang diinginkan manusia dan menghalang daripada berlakunya perkara yang tidak diinginnya.

[أَتَّقُوا فِتْنَةً] Kamu jadikan penghalang di antara kamu dan fitnah iatu azab di dunia seperti kebuluran, inflasi, penguasaan orang-orang zalim dan azab Allah swt di akhirat. Penjagaan ini adalah melalui ketaatan dan memarangi kemungkaran. Berlakunya fitnah ini disebabkan kezaliman dan kemaksiatan.

[لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ] Apabila berlaku fitnah disebabkan kezaliman dan maksiat ianya bukan hanya menimpa kepada orang yang melakukan maksiat itu sahaja bahkan meramkumi semua oaring sekiranya mereka tidak menghalang orang yang zalim daripada maksiat.

[فَأَوَّكُمْ] Golongan lemah di bumi Mekah pada permulaan dakwah Islam

[مُسْتَضْعَفُونَ فِي الْأَرْضِ] Orang kafir menguasai kamu dengan pantas dan menawan kamu

## الإسلام دعوة إلى الحياة الكريمة

قال الله تعالى:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ ۚ وَأَنَّهُ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾ وَأَتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾ وَأَذْكُرُوا إِذْ أَنْتُمْ قَلِيلٌ مُسْتَضْعَفُونَ فِي الْأَرْضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ النَّاسُ فَآوَاكُمْ وَأَيَّدَكُمْ بِبَصَرِهِ ۚ وَرَزَقَكُم مِّنَ الطَّيِّبَاتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٦﴾

سورة الأنفال : ٢٤ - ٢٦

شرح المفردات

أَسْتَجِيبُوا لِلَّهِ : أطيعوه فيما يدعوكم إليه

لِمَا يُحْيِيكُمْ : لما فيه حياتكم الطيبة في الدنيا والآخرة

يُحَوِّلُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ : يقدر على تغيير ما يريد الإنسان، ويمنعه من حصول ما يرده منه

أَتَّقُوا فِتْنَةً : اجعلوا وقاية - حاجزا - بينكم وبين الفتنة وهي العذاب في الدنيا كالحط

والغلاء وتسلط الظلمة والعقاب في الآخرة. والوقاية تكون بالطاعة ومحاربة المنكرات، وتحدث

الفتنة بسبب الظلم والمعصية.

لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ : أي إذا وقعت الفتنة بسبب الظلم والمعصية لا تصيب

العاصين وحدهم بل تعم الجميع حيث لم يمنعوا الظالمين من المعصية.

فَأَوَّكُمْ : ضعفاء في أرض مكة في مبدأ الدعوة إلى الإسلام

مُسْتَضْعَفُونَ فِي الْأَرْضِ : يتسلط عليكم الكفار بسرعة فيخطفكم

[يَتَخَطَّفَكُمُ النَّاسُ] Ia menjadikan untuk kamu tempat yang boleh melindungi kamu dari orang kafir iaitu negeri Madinah.

[أَيَّدَكُمْ بِنَصْرِهٖ] Menguatkan kamu dengan kemenangan ke atas musuh kamu dalam peperangan Badar

[الطَّيِّبَاتِ] Rezeki yang halal seperti harta rampasan perang

[تَشْكُرُونَ] Kamu terimalah nikmat ini dengan melakukan ketaatan dan mencari redha Allah.

### Huraian Ayat:

Allah mengarahkan hamba yang beriman menjaga ajaran iman dan berpegang dengan apa yang dibawa oleh nabi Islam (nabi Muhammad saw) kerana pada perkara tersebut terdapat kehidupan yang baik di dunia dan akhirat. Ianya mengandungi seruan islam kepada berakhlak mulia dan bergaul sesama manusia dengan baik maka mereka akan hidup bahagia di dunia dan akhirat.

Allah mengingatkan kita bahawa Dia mengetahui apa yang ada dalam diri kita dan berkuasa ke atas kita dalam semua urusan kita dan akhirnya kita akan kembali kepadaNya untuk dibalas (perbuatan kita).

Allah memberi amaran kepada kita daripada melanggar perintahNya dan meninggalkan orang yang melanggar perintah Allah yang melakukan kerosakkan di muka bumi. Kita wajib mentaatiNya dan menghalang orang yang derhaka melanggar perintahNya, jika tidak berbuat demikian pasti diturunkan azab kepada semua manusia.

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Huzaiah bin Yaman bahawa Rasulullah saw bersabda : “Demi diriku yang berada di tanganNya – aku bersumpah dengan nama Allah – hendaklah kamu menyuruh perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran atau (jika tidak) Allah swt akan jadikan orang-orang jahat di kalangan kamu akan menguasai kamu. Lalu berdoa orang-orang yang baik di kalangan kamu (untuk selamat daripada mereka itu), maka Allah tidak terima doa kamu tersebut”.

Allah menyebut kepada kita nikmat-nikmat yang diberikan kepada orang mukmin terdahulu di kalangan penduduk kota Mekah. Mereka pada masa itu adalah golongan minority, lemah dan takut kepada musuh mereka iaitu orang musrikin, majusi dan Rom yang akan menyerang mereka. Allah sediakan jalan untuk mereka berhijrah ke Madinah, menguatkan, menolong dan meluaskan rezeki mereka. Kemudian mereka menjadi ketua apabila mereka berpegang dengan agama dan menjaga Islam.

يَتَخَطَّفَكُمُ النَّاسُ : جعل لكم مأوى يحفظكم من الكفار وهي المدينة

أَيَّدَكُمْ بِنَصْرِهٖ : قواكم بالنصر على عدوكم في غزوة بدر

الطَّيِّبَاتِ : الرزق الحلال مثل الغنائم في الحروب

تَشْكُرُونَ : تقابلون هذه النعم بالطاعة وارضاء الله

### المعنى

يوجه الله تعالى عباده المؤمنين إلى المحافظة على تعاليم الإيمان والتمسك بما جاء به نبي الإسلام ﷺ . ففي ذلك الحياة الطيبة في الدنيا والآخرة، حيث تشتمل دعوة الإسلام على الأخلاق الكريمة، والفضائل الإنسانية التي أن نعامل الناس بما عاشوا سعداء في الدنيا والآخرة.

وينبهننا ربنا جل وعلا إلى أنه سبحانه يعلم ما في نفوسنا وقادر علينا في جميع شئوننا وسنرجع إليه يوم القيامة للحساب.

ويحذرننا من مخالفة أوامره، ومن ترك المخالفين يفسدون في الأرض. فيجب علينا أن نطيعه، ونمنع المفسدين من المخافة، وإلا نزل العقاب بالجميع.

روى الإمام أحمد، عن حذيفة بن اليمان، أن رسول الله ﷺ قال: والذي نفسي بيده – أقسم بالله – لتأمرن بالمعروف، ولتنهون عن المنكر أو ليسلطن الله عليكم شراركم، فيدعو خياركم فلا يستجاب لهم”.

ويذكرنا الله تعالى بما أنعم به على المؤمنين الأولين من أهل مة فقد كانوا في قلة وضعف، وخوف من أعدائهم المشركين والمجوس والروم أن يخطفوه من ديارهم، فهياً الله لهم الهجرة إلى المدينة وقواهم ونصرهم ووسع أرزاقهم، وأصبحوا سيادة، لما تمسكوا بدينهم، وحافظوا على إسلامهم.

Begitu juga dengan kita, sekiranya kita berpegang dengan agama Islam dan mensyukuri nikmat Allah kepada kita sebagaimana firman Allah swt: *(Dan (Tuhan berfirman lagi) sekiranya penduduk negeri beriman dan bertakwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan. – surah al A'raf: 96)*

### Pengajaran Ayat:

- 1- Dalam ajaran islam terdapat kehidupan yang baik untuk manusia di dunia dan akhirat.
- 2- Perlu pengawasan Allah ketika sembunyi atau nyata dan takut siksaannya bila melakukan maksiat serta mengharap pahala bila ia mentaatinya kerana Allah mengetahui isi hati manusia dan akan membalas apa yang lahir dari hati kita.
- 3- Menjauhi kemungkaran dan menghalang orang-orang yang jahat daripada melakukan kemungkaran. Jika tidak, azab Allah swt akan mengenai semua orang.
- 4- Wajib mensyukuri nikmat Allah swt dan membalasnya dengan melakukan kebaikan dan ketaatan supaya nikmat tersebut kekal dan bertambah. Jika tidak, maka nikmat tersebut akan hilang.
- 5- Seseorang yang berakal janganlah dedahkan diri kepada kemurkaan Allah swt dan azabNya dengan ikut serta melakukan kerosakan atau membiarkan orang-orang yang jahat (tanpa mencegahnya). Bahkan ia perlu menjauhi maksiat dan menasihati orang yang melakukan maksiat menjauhi maksiat tersebut agar semua manusia akan bahagia.

ونحن كذلك، أن تمسكنا بديننا وشكرنا نعم الله علينا قال تعالى :  
 ﴿وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾

### ما ترشد إليه الآيات

- ١ - أن في تعليم الإسلام حياة طيبة للناس في الدنيا والآخرة.
- ٢ - وجوب مراقبة الله في السر والعلن، والخوف من عقابه إن عصيانه والرجاء في ثوابه إن أطعناه، فإنه عليم بذات الصدور وسيجزينا على ما صدر منا.
- ٣ - الابتعاد عن المنكرات ومنع المفسدين منها. وإلا عم العقاب الجميع.
- ٤ - وجوب شكر النعم ومقابلتها بالاحسان والطاعة، لتبقى وتزداد، وإلا ذهبت.
- ٥ - على العاقل ألا يعرض نفسه لسخط الله وعقابه بسبب المشاركة في الفساد أو ترك المفسدين، بل يجب عليه أن يتعد عن المعصية وينصح العاصين بالبعد عنها حتى يسعد الجميع.

## PENGAJARAN DARIPADA KISAH-KISAH AL QURAN

Firman Allah swt:

*Dan tiap-tiap berita dari berita rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya; dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran serta pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman. (120)*

*Dan Katakanlah kepada orang-orang yang tidak beriman: "Buatlah apa yang kamu sanggup melakukannya (dari perbuatan ingkar itu). Sesungguhnya Kami juga tetap mengerjakan (nasihat pengajaran yang tuhan berikan kepada kami)." (121)*

*Dan tunggulah (akibat yang buruk yang akan menimpa kamu); Sesungguhnya kami juga menunggu (akan kemenangan dan kejayaan yang dijanjikan oleh Allah kepada kami)." (122)*

*Dan Allah jualah apa yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepada-Nya-lah dikembalikan segala urusan. Oleh itu sembahlah akan Dia serta berserahlah kepada-Nya. dan (ingatlah), tuhanmu tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. (123) – surah Hud*

### Maksud perkataan

[مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ] Setiap perkara yang dipelukan dalam menyampaikan dakwah kepada Allah daripada kisah para rasul terdahulu kami ceritakan kembali kepadamu wahai Muhammad

[مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ] Daripada kisah para rasul bersama kaumnya

[جَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ] Sesuatu yang dapat kami kuatkan hatimu supaya bertambah keyakinanmu dan jiwamu akan teguh menunaikan tanggungjawab risalah ini.

[ ] Dibawakan kisah-kisah ini dan beberapa ayat dari surah Hud sebenarnya ia adalah kebenaran tauhid dan kisah para nabi terdahulu.

[مَوْعِظَةً] Mengandungi nasihat dan petunjuk kesudahan segala perkara, maka ambillah pengajaran daripadanya.

[ذِكْرَى] Perkara yang disebutkan itu adalah kisah dahulu yang berfaedah

[أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَاتِبِكُمْ] Wahai orang Kafir kamu ikutilah jalan kamu melakukan kebatilan menentang Islam – ini adalah amaran untuk mereka dengan azab sekiranya kamu berterusan dengan cara sedemikian.

[إِنَّا عَمِلُونَ] Kami – orang-orang mukmin – tetap di jalan kami beramal untuk menambahkan iman dan itulah satu kebenaran

### العبرة من القصص القرآني

قال الله تعالى:

وَكَلَّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ ۚ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ

وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾ وَقُلْ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَاتِبِكُمْ ۚ إِنَّا عَمِلُونَ

﴿١٢١﴾ وَأَنْتُمْ بِهَا مُتَقَبِّلُونَ ﴿١٢٢﴾ وَاللَّهُ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ

فَاعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾ سورة هود : ١٢٠ – ١٢٣

### شرح المفردات

كَلَّا نَقُصُّ عَلَيْكَ : وكل ما تحتاج إليه في تبليغ الدعوة إلى الله من أخبار الرسول نخبرك به يا محمد

مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ : من أخبار الرسل مع أقوامهم

مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ : ما نقوي به قلبك ليزداد يقينك، وثبتت نفسك على أداء الرسالة

جَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ : وجاءك في هذه الأخبار والآيات من هذه السورة "هو" ما هو حق

صَادِقٌ مِنَ التَّوْحِيدِ وَقِصَصِ الْأَنْبِيَاءِ السَّابِقِينَ

مَوْعِظَةٌ : ما فيه النصيحة والإرشاد إلى عواقب الأمور فيتعظ به

ذِكْرَىٰ : ما يذكر بما مضى من الأخبار النافعة

أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَاتِبِكُمْ : اتبعوا أيها الكفار على طريقتكم في العمل الباطل ضد الإسلام –

وهو أمر تهديد وانذار لهم بالعقاب إن استمروا على ذلك.

إِنَّا عَمِلُونَ : إنا – جماعة المؤمنين – ثابتون على طريقتنا في العمل للإيمان، فهو الحق.

[أَنْتَظِرُونَ] Kesudahan kamu yang buruk wahai orang-orang kafir

[إِنَّا مُنْتَظِرُونَ] Kami – orang-orang mukmin – menantikan kesudahan yang buruk bagi kamu

[لِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ] Di sisi Allah ilmu perkara ghaib di antara langit dan bumi

[إِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ] Kepada Allah jua yang mengurukan segala makhluknya di dunia dan akhirat

[مَا رَبُّكَ بِغَفِيلٍ] Tuhan kamu tidak terlindung apa-apa pun daripada ilmu sama ada di bumi atau di langit

[تَوَكَّلْ عَلَيْهِ] Minta pertolongan Allahlah untuk memperolehi apa yang diinginkan dengan mengambil sebab-sebab yang dibenarkan syarak

### Huraian Ayat:

Allah swt menerangkan kepada nabi Muhammad saw dan hamba-hambanya bahawa apa yang diceritakan al Quran tentang kisah para rasul dengan kaum mereka seperti sifat sabar para nabi, kedegilan manusia, azab Allah kepada orang yang menentang, kemenangan bagi orang yang beriman, balasan yang menanti kedua-dua pihak tersebut di akhirat sama ada balasan buruk kepada orang kafir dan kehidupan yang baik untuk orang mukmin.

Dalam kisah-kisah ini terdapat pengajaran, nasihat dan petunjuk yang boleh diambil daripada peristiwa yang berlaku kepada orang-orang terdahulu. Dalam kisah-kisah ini juga dapat menguatkan hati Rasulullah saw dan mengembirakannya dalam menyampaikan risalah Allah dan menyebarkan dakwah kepada Allah. Kemudian Allah menyuruh nabi Muhammad saw memberitahu orang-orang yang tidak beriman, jika kamu bertaubat daripada menentang dakwah ini maka nantilah kesudahan yang buruk sebagaimana kami menantikan perkara tersebut menimpa kamu kerana tidak mengambil pengajaran dengan apa yang berlaku kepada umat terdahulu.

Seterusnya Allah swt menerangkan bahawa Dia mengetahui segala perkara ghaib di langit dan bumi. Allah swt mentadbir semua ini di dunia dan kepadaNya tempat kembali di akhirat kelak. Allahlah yang paling layak diagongkan dan dimuliakan. Dialah tempat berpegang dan memohon pertolongan untuk mendapatkan apa yang dicai setelah berikhtiar melakukannya. (Dan Allah jualah apa yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepadaNya-lah dikembalikan segala urusan. Oleh itu sembahlah akan Dia serta berserahlah kepadaNya. dan (ingatlah), tuhanmu tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. – surah Hud: 123)

أَنْتَظِرُونَ : عاقبة أمركم السيئة أيها الكفار

إِنَّا مُنْتَظِرُونَ : إنا – جماعة المؤمنين – منتظرون تلك العاقبة السيئة لكم

لِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ : عند الله علم ما غاب فيهما

إِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ : إلى الله تعالى يرجع تدبير أمر الخلق كلهم في الدنيا والآخرة.

مَا رَبُّكَ بِغَفِيلٍ : وربك لا يخفى عليه شيء في الأرض ولا في السماء

تَوَكَّلْ عَلَيْهِ : استعن بالله على تحقيق ما تطلب مع الأخذ في الأسباب المشروعة

### المعنى

يبين الله تعالى لنبيه ﷺ و لعباده، أن ما يقصه القرآن من أخبار المرسلين مع أقوامهم، من صبر الأنبياء و عناد الناس وما جرى لهم من عقاب المعاندين، ونصر المؤمنين، وما ينتظر كلا من الفريقين في الآخرة، من العواقب السيئة للكفار، والحياة الطيبة للمؤمنين في هذه القصص عبرة ونصح وإرشاد مستفاد من الحوادث التي حدثت للسابقين. وفيه تثبيت لقلب الرسول ﷺ وتسلية لنفسه الشريفة في تبليغ الرسالة، ونشر الدعوة إلى الله، ثم يأمر الله نبيه ﷺ أن يقول للذين لا يؤمنون، إن تبتم على عنادكم، فانتظروا العاقبة السيئة، كما ننتظرها نحن لكم، حيث لم تتعظوا بما جرى للأمم السابقة.

ثم بين سبحانه أنه العليم بغيب السموات والأرض، وأن التدبير كله له سبحانه في الدنيا والمراجع إليه في الآخرة وأنه سبحانه

يستحق كل تعظيم وإجلال وأنه أهل أن يعتمد عليه ويستعان به في تحقيق المطالب بعد اتخاذ الأسباب المشروعة ﴿وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ فَاعْبُدْهُ

وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ وَمَا رَبُّكَ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ﴾ سورة هود : ١٢٣

### Pengajaran Ayat:

- 1- Wajar mengambil iktibar dengan apa yang berlaku kepada umat terdahulu bersama rasul mereka, berfikir tentang kesudahannya dan menjadikannya sebagai pengajaran dalam hidup ini.
- 2- Hendaklah tetap pendirian di atas kebenaran sekalipun jalannya begitu sukar kerana kesudahannya adalah kemenangan.
- 3- Sentiasa bertawakkal kepada Allah swt dan memohon pertolongan dalam mencapai apa yang dicari oleh manusia selepas berusaha dengan cara yang dibenarkan syarak.

### ما ترشد إليه الآيات

- ١- وجوب الاعتبار بما حصل الأمم السابقة مع رسلهم، والتفكير في عواقب الأمور، والإفادة منها في الحياة
- ٢- يجب الثبات على الحق، مهما كان في طريقه من الشدائد فعاقبته الفوز والنصر
- ٣- يلزم التوكل على الله والاستعانة به في تحقيق كل ما يطلب الإنسان بعد الأخذ بالأسباب المشروعة.

## KURNIAAN ALLAH SWT KEPADA HAMBANYA DENGAN PENCIPTAAN MALAM DAN SIANG

Maksudnya:

Katakanlah lagi: "bagaimana fikiran kamu, jika Allah menjadikan malam kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat, Tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan cahaya yang menerangi kepada kamu? Maka mengapa kamu tidak mahu mendengar (secara memahami dan menerima kebenaran)?" (71)

Katakanlah lagi: "bagaimana fikiran kamu, jika Allah menjadikan siang kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat, Tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan malam kepada kamu untuk berehat padanya? Maka mengapa kamu tidak mahu melihat (dalil-dalil dan bukti keesaan dan kekuasaan Allah)?" (72)

Dan di antara rahmat pemberianNya, Ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti), supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah karunia-Nya dan juga supaya kamu bersyukur. (73) – surah al Qasas

### Maksud perkataan

[قُلْ أَرَأَيْتُمْ] Katakanlah wahai Muhammad kepada penduduk Mekah dan kepada setiap orang yang berakal: beritahulah kepadaku

[سَرْمَدًا] Berterusan dan tidak putus-putus

[مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ] Perkataan *min* ialah kata Tanya untuk menafikan, bermaksud mengingkari dan menafikan perkara selepas *min* itu iaitu anggapan orang-orang kafir wujudnya tuhan selain Allah

[بِضْيَاءٍ] Waktu siang hari mereka bekerja menyara kehidupan

[أَفَلَا تَسْمَعُونَ] Kata Tanya - menampar orang kafir kerana mereka tidak mendengar dengan mengambil pengajaran dan memahami bukti-bukti tauhid sehingga mereka beriman (dengan Allah)

[تَسْكُنُونَ فِيهِ] Kamu berehat di waktu malam dari kepenatan bekerja di waktu siang

[أَفَلَا تُبْصِرُونَ] Kata Tanya - menampar orang kafir kerana mereka tidak melihat sifat kufur yang ada pada mereka lalu bertaubat daripadanya.

## فضله تعالى على العباد بخلق الليل والنهار

قال الله تعالى:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ اللَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيكُمْ بِضِيَاءٍ أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٧١﴾ قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ النَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيكُمْ بِاللَّيْلِ تَسْكُنُونَ فِيهِ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٧٢﴾ وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾ سورة القصص : الآيات ٧١ - ٧٣

### شرح المفردات

قُلْ أَرَأَيْتُمْ : قل يا محمد لأهل مكة ولكل عاقل : أخبروني

سَرْمَدًا : دائما لا ينقطع

مَنْ إِلَهُ غَيْرُ اللَّهِ : من - استفهام انكاري يفيد انكار ونفي ما بعدها وهو ما يزعم الكفار من وجود إله آخر غير الله.

بِضْيَاءٍ : نهار يعملون فيه للمعيشة

أَفَلَا تَسْمَعُونَ : استفهام توبيخ للكفار على عدم سماعهم سماع تدبر وتفهم للدلائل التوحيد حتى يؤمنوا

تَسْكُنُونَ فِيهِ : تستريحون فيه من تعب العمل بالنهار

أَفَلَا تُبْصِرُونَ : استفهام توبيخ للكفار على عدم تبصيرهم لما هم عليه من الكفر فيرجعون

عنه



[لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ] Untuk mencari rezeki dari nikmat-nikmat yang Allah ciptakannya

[وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ] Agar kamu bersyukur atas nikmatNya dengan mentaatinya dan menggunakannya pada perkara yang direndhainya

### Huraian Ayat:

Allah swt mengarah kepada akal manusia agar melihat dan merenung tentang sistem yang diatur pada ciptaanNya, kerana di sana terdapat bukti yang nyata tentang luasnya ilmu Allah, agungnya kekuasaanNya dan keesaanNya. Ini membawa mereka mengakui apa yang mereka tenggelam dalam kurniaanNya dan kemewahan dengan nikmatNya agar mereka menyembahNya serta bersyukur padanya.

Ingatkanlah kepada mereka perkara berikut :

Beritahulah kepadaku wahai cerdik pandai, apakah kamu akan lakukan seandainya Allah jadikan waktu malam yang gelap berpanjangan tanpa cahaya? Bagaimana kamu hendak mencari rezeki dan memenuhi keperluan kamu dalam kegelapan malam itu?

Apakah kamu akan lakukan seandainya Allah jadikan waktu siang yang berterusan sehingga hari kiamat? Tuhan manakah selain Allah yang boleh mendatangkan malam untuk kamu berehat dari kepenatan bekerja di siang hari sehingga kamu boleh menyambung kerja selepas berehat. Antara rahmat Allah kepada makhluknya dan anugerahnya kepada hamba-hambaNya, Dia aturkan untuk mereka peredaran ciptaanNya di orbit masing-masing seperti matahari, bulan dan bintang sehingga berlakulah malam dan siang yang boleh mengatur kehidupan hambaNya sebagaimana firman Allah swt menjelaskan kurniaanNya kepada hamba-hambaNya : *(dan jika kamu menghitung nikmat Allah, nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. – surah Ibrahim : 34)*

Hamba Allah swt itu perlu melihat anugerah yang begitu besar ini dengan pandangan yang mengambil pengajaran, bersyukur, menghargai nikmat Allah terhadap mereka. Seterusnya beriman dan menyembahNya dengan menggunakan nikmat tersebut yang diciptakan untuknya sehingga Allah meedhai dan menyempurnakan nikmat kepada mereka.

لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ : لتطلبوا الرزق من نعمه التي خلقها  
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ : ولتشكروه على نعمه بطاعته واستعمال نعمه فيما يرضيه

### المعنى

يوجه الله عقول عباده إلى النظر السليم في محكم نظامه في مخلوقاته، وما فيها من دلالة واضحة على واسع علمه، وعظيم قدرته ووحدانيته، مما يجعلهم على الإقرار بما هم منغمسون فيه من فضله، وسابغ نعمه، ليعبدوه ويشكروه فيذكرهم بما يأتي :

أخبروني أيها العقلاء، ماذا كنتم فاعلين؟. لو أن الله تعالى جعل عليكم الليل بظلامه دائما لا ضياء فيه؟ كيف تسعون على أرزاقكم، وتطلبون حوائجكم في هذا الظلام؟

وماذا أنتم فاعلون؟ لو أن الله تعالى جعل عليكم النهار سرمدا إلى يوم القيامة، من إله غير الله يأتىكم ليل تستريحون فيه من عناء العمل بالنهار؟ حتى يمكنكم المثابرة على العمل بعد الراحة. فمن رحمته بخلقه، وفضله على عباده، أن نظم لهم سير مخلوقاته في أفلاكها، من شمس وقمر وكواكب حتى يحدث ليل ونهار بما ينتظم العباد في حياتهم ومعاشهم كما قال الله تعالى مبينا فضله عليهم: ﴿وَأَاتَلَكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا﴾ سورة إبراهيم : ٣٤

فيجب أن ينظر العباد إلى هذا الفضل الكبير بعين الاعتبار والشكر وتقدير نعمته عليهم، فيؤمنوا به، ويعبدوه باستعمال نعمه فيما خلقت لأجله حتى يرضى عنهم، ويتم عليهم نعمته وتكرمه.

### Pengajaran Ayat:

- 1- Perlulah memerhati ciptaan Allah swt dengan penuh pengajaran, memahaminya dan mengagongkan penciptanya.
- 2- Menjelaskan betapa luasnya kurniaan Allah swt terhadap makhluknya dan rahmatNya pada hamba-hambaNya dengan nikmat yang dijadikan untuk mereka. Sistem alam ini merupakan nikmat Allah kepada mereka dan Dia juga memberi keamanan dan ketenangan untuk mereka.
- 3- Wajib bersyukur kepada Allah swt dengan mentaatiNya dan menggunakan nikmatNya untuk perkara yang bermanfaat bukan menggunakannya pada maksiat.
- 4- Menyedarkan orang yang melakukan kesalahan, menasihati mereka ke jalan yang betul dan menunjukkannya kepada kebenaran sehingga semua orang akan bahagia dengan keredhaan dan balasan baik dari Allah swt.

### ما ترشد إليه الآيات

- ١- وجوب النظر في المخلوقات نظر اعتبار وفهم وتعظيم لخالقها
- ٢- بيان واسع فضل الله على خلقه، ورحمته بعباده بما خلق لهم من نعم، وما نظم من كون رحمة بهم وتوفيرا لأمنهم وهناءتهم.
- ٣- وجوب شكر الله بطاعته، واستعمال نعمه فيما خلقها له، من النفع بما وعدم استخدامها في معصيته
- ٤- تنويه المخطئ إلى خطئه وتوجيهه إلى الصواب نصحا وإرشادا إلى الحق حتى يسعد الجميع برضاء الله وحسن جزائه

## Pelajaran 7

### BUKTI KEWUJUDAN ALLAH SWT DAN KEESAANNYA

Maksudnya:

*Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan. (164) – surah al Baqarah*

#### Maksud perkataan

[وَأَخْتَلَفِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ] Mengiringi keduanya dan berbeza keduanya juga dengan cahaya dan kegelapan, panjang dan pendek.

[الْفُلُكِ] Kapal

[فَأَحْيَا] Menumbuhkannya

[مَوْتَهَا] Kemarukannya

[وَبَثَّ] Membeza dan menyebarkan

[وَتَصْرِيْفِ الرِّيْحِ] Menukar keadaannya

[المُسَخَّرِ] Dimudahkan

[لآيَاتٍ] Sebagai bukti

الدرس السابع

### دلائل على وجود الله ووحْدانيته

قال الله تعالى:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾ سورة البقرة : ١٦٤

#### المفردات

وَأَخْتَلَفِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ : تعاقبهما واختلافهما أيضا بالنور والظلمة والطول والقصر

الْفُلُكِ : السفن

فَأَحْيَا : أُنبت

مَوْتَهَا : جدبها

وَبَثَّ : فرق ونشر

وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ : تغليب أحوالها

المُسَخَّرِ : المذلل

لآيَاتٍ : لدلائل

**Huraian Ayat:**

Disebut dalam al Quran sebelum ayat ini, firman Allah swt: Ada pendapat mengatakan: sesungguhnya orang kafir apabila mendengar perkara ini mereka berkata: apakah dalil perkara tersebut?. Maka Allah swt menurunkan ayat yang bersama kita ini. Ayat ini menarik perhatian mereka dan setiap manusia agar memerhatikan apa yang ada di alam ini, di hadapan mereka bukti-bukti yang agung tentang kewujudan pencipta dan keesaan dan kekuasaanNya. Di langit dan bumi yang Allah angkatkannya tanpa tiang yang kelihatan. Di langit sana terdapat bintang dan cekerwala lain. Di bumi yang Allah hamparkan supaya manusia dapat hidup di atasnya, di bumi Allah swt simpan di perutnya galian, tanahnya yang dikhususkan untuk mengurus kehidupan manusia. Datang malam selepas siang, berbeza keduanya panjang dan pendek, sejuk dan panas, bercahaya dan gelap.

Kapal pengangkut yang belayar di atas air yang membawa manusia dan harta mereka dari satu tempat ke tempat lain. Air hujan yang Allah swt turunkan dari awan lalu ia menumbuhkan bumi dengan tumbuhan yang berbagai-bagai setelah ianya kering kumbang. Awan san pembentukannya serta ia bergerak antara langit dan bumi, turunnya air hujan dari awan di atu tempat tidak di tempat yang lain mengikut tadbir Allah swt.

Pada semua makhluk ini yang diciptakan Allah dan memudahkannya untuk kebaikan manusia dengan kekuasaan Allah sawt adalah tanda dan bukti yang dapat menjadikan setiap orang yang mempunyai akal sehat mengetahui wujudnya pencipta yang maha hebat dan maha esa. Kerana “” surah al Anbiya’ : 22. Tidak mungkin bagi orang yang berakal menggambarkan bahawa alam yang wujud sebegini secara semulajadi dan tidak ada penciptanya – seperti kata orang yang tidak beragama dan material – kerana tidak mungkin wujudnya sesuatu kesan tanpa penciptanya, tidak wujud makhluk tanpa penciptanya dan tidak wujud sesuatu ciptaan tanpa penciptanya.

ورد في القرآن قبل الآية قوله تعالى : ﴿وَاللَّهُكُمْ إِلَهٌ وَحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾ سورة البقرة : ١٦٣ . وقد قيل : إن الكفار لما سمعوا هذا، قالوا: وما الدليل على ذلك؟ فأنزل الله هذه الآية التي معنا. وهي تلفت نظرهم ونظر كل إنسان إلى تأمل ما في الكون أمامهم من دلائل عظيمة على وجود الخالق ووحدايته وتما قدرته، ففي السموات والأرض التي رفعها بغير عمد ترونها، وما فيها من كواكب ونجوم، وفي الأرض التي بسطها ليستطيع الإنسان العيش عليها، وفيما أودعه في باطنها من معادن، وفي ترتيبها من خصائص لتدبير معيشة الإنسان عليها، وفي مجيء الليل عقب النهار واختلافهما طولاً وقصراً وبرودة وحرارة، وضياء وظلمة.

وفي السفن المحملة التي تسير فوق سطح الماء تحمل الناس وأمتعتهم من مكان إلى مكان، وفي ماء المطر الذي ينزله الله من السحاب فينبت به في الأرض النبات المختلف بعد أن كانت مجدبة، وفي السحاب وتكوينهوتسييره معلقا بين السماء والأرض، وسقوط المطر منه في مكان دون آخر حسب تدبير الله.

وفي كل هذه المخلوقات التي خلقها الله وسخرها لمنافع الإنسان بقدرته علامات ودلائل يستطيع كل صاحب عقل سليم أن يعرف منها وجود الخالق المبدع ووحدايته. إذ ﴿لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا﴾ سورة الأنبياء : ٢٢ . ولا يمكن لعاقل أن يتصور أنها موجودة هكذا بالطبيعة وليس لها خالق – كما يقول الملحدون الماديون – إذ لا يمكن وجود أثر بدون مؤثر. ولا مخلوق بدون خالق، ولا صنعة بدون صانع.

### **Pengajaran Ayat:**

**Pertama** : Tidak ada kelonggaran kepada orang yang tidak beragama yang kufur dengan Allah swt. Sesungguhnya dalil wujud Allah swt dan keesaanNya terbentang di hadapannya di alam ini.

**Kedua** : Setiap manusia perlu berfikir pada alam yang berada di hadapannya ini, untuk sampai kepada iman dengan penciptanya kerana setiap kali manusia mendalami kajian dan pemerhatiannya nescaya bertambah iman dengan Allah, kecuali orang yang menyeleweng dan ingkar.

مغزى هذه الآية / ما يؤخذ من هذه الآية :

**أولاً** : أنه لا عذر للملحد كافر بالله. فإن الدلائل على وجود الله ووحدانيته مبسوطه أمامه في الكون.

**ثانياً** : يجب على كل إنسان أن يفكر في هذا الكون الذي أمامه، ليصل إلى الإيمان بخالقه إذ كلما تعمق الإنسان في البحث والنظر ازداد إيماناً بالله اللهم إلا المنحرفين المعاندين.

## PENGABDIAN SEBENAR

Firman Allah swt:

*Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi Sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari Kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan shalat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. mereka Itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka Itulah orang-orang yang bertakwa. (177) –surah al Baqarah*

### Maksud perkataan

[البر] Memperluaskan aspek ibadat pada Allah dan mendekati diri padaNya.

[الكتاب] Kitab-kitab yang diturunkan ke atas para rasul.

[آتى المال على حبه] Cintakan harta

[اليتامى] Yatim ialah orang yang kematian ayah dan tidak sampai usia dewasa

[المساكين] Orang yang memerlukan yag tidak meminta-minta kepada orang lain

[ابن السبيل] Sabil ialah jalan, maksudnya ialah orang asing yang memerlukan

[في الرقاب] Dalam membebaskan hamba daripada perhambaan

[آتى الزكاة] Memberi zakat yag diwajibkan

[البأساء] Apa yang menimpa manusia yang bukan pada tubuh badannya seperti kefakiran dan kesulitan

[الضراء] Apa yang menimpa manusia pada tubuh badannya seperti sakit dan seumpamanya

[اليأس] Kesulitan peperangan

[صدقوا] Dalam menghampirkan diri mereka kepada Allah swt

[المتقون] Takwa ialah orang yang menjaga dirinya daripada kemurkaan Allah swt dengan memperelokkan ketaatannya kepada Allah.

## التعبد الحقيقي

قال الله تعالى:

﴿ لَيْسَ آيِبًا أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْيَبِئْسَ الْبِلَدِ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلْئِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَآتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴾ (البقرة : ١٧٧)

### المفردات

البر : التوسع في عبادة الله والتقرب إليه

الكتاب : الكتب المنزلة على الرسل

آتى المال على حبه : حب المال

اليتامى : اليتيم من مات أبوه ولم يبلغ مبلغ الرجال

المساكين : المحتاجين الذين لا يسألون الناس

ابن السبيل : السبيل هو الطريق، والمراد الغريب المحتاج

في الرقاب : في تحرير العبيد من الرق

آتى الزكاة : أعطى الزكاة المفروضة

البأساء : ما يصيب الإنسان في غير نفسه من فقر وشدائد

الضراء : ما يصيبه في نفسه من مرض ونحوه

اليأس : شدة القتال

صدقوا : في تقربهم إلى الله

المتقون : التقى هو من يقى نفسه غضب الله بحسن طاعته له

**Huraian Ayat:**

Ketika Allah memerintah Rasulnya dan orang mukmin mengubah kiblat mereka daripada Baitul Maqdis ke Kaabah menimbulkan kemarahan Yahudi dan mereka mencela orang Islam mengadap ke Kaabah. Orang Islam terpaksa menolak tohmohan mereka sehingga banyaklah perdebatan dan pertikaian di antara dua kumpulan itu. Lalu Allah swt menurunkan ayat yang lengkap ini untuk menunjukkan mereka kepada iman dan menghampirkan diri kepada Allah swt bukan semata-mata mengadap ke kiblat ini dan itu, tetapi ia adalah :

**Pertama :**

Tentang beriman kepada Allah swt dan sifat-sifatnya dengan keimanan yang menundukkan hati dan perasaan. Beriman kepada hari akhirat dan apa yang ada pada hari itu seperti kebangkitan semula manusia, hitungan amalan dan balasannya dengan keimanan yang membawa manusia bersedia dengan baik untuk hari akhirat. Beriman dengan malaikat secara umum dan terperinci, mereka adalah hamba Allah swt yang mulia “*mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan*” – at Tahrir : 6

Beriman dengan kitab yang diturunkan ke atas Rasul-rasulnya, dan beriman dengan semua nabi dan rasul yang disebut oleh al Quran secara terperinci atau menerangkan tentang mereka tanpa membezakan antara seorang rasul dengan rasul yang lain.

**Kedua :**

Di samping itu orang mukmin perlu bergegas memberi harta yang paling disayanginya kepada orang yang memerlukan sama ada dari kaum kerabatnya, anak yatim, orang miskin yang tidak meminta-minta kepada manusia, orang asing, orang meminta kerana keperluan atau hamba sahaya yang ingin melepaskan diri dari perhambaan.

**Ketiga :**

Ketaatan tidak hanya terhad pada akidah dan membelanjakan harta, bahkan perlu kepada menunaikan apa yang diperintahkan Allah seperti solat, zakat dan lain-lain, di samping menunaikan janji, bersabar ketika kesusahan, ditimpa musibah, berkecamuknya peperangan dan pada setiap tempat yang memerlukan kesabaran. Orang yang ada semua ini sama ada akidah, ibadat dan amal, mereka adalah orang yang benar keimanan dan amalannya. “*Mereka adalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan limpah kurnia yang mulia (di Syurga)*” – al Anfal : 4

حينما أمر الله رسوله والمؤمنين أن يحولوا قبلتهم من بيت المقدس إلى الكعبة تغيظ اليهود، وطعنوا في توجه المسلمين للكعبة، واطظر المسلمون للرد عليهم حتى كثر الأخذ والرد بين الفريقين. فأنزل الله هذه الآية الجامعة لترشدهم إلى أن الإيمان والتقرب إلى الله ليس في مجرد التوجه إلى هذه القبلة أو تلك ولكنه :

**أولاً :** في الإيمان بالله وصفاته إيماناً يخشع به القلب والحس، والإيمان باليوم الآخر وما فيه من بعث وحساب وجزاء إيماناً يحمل الإنسان على حسن الاستعداد له، والإيمان بالملائكة إجمالاً وتفصيلاً، وأنهم عباد الله المكرمون الذين ﴿لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾ آية ٦ سورة التحريم. والإيمان بالكتب المنزلة على رسوله، وجميع الأنبياء والمرسلين الذين ذكرهم القرآن تفصيلاً أو أشار إليهم دون تفرقة بين رسول ورسول.

**ثانياً :** ومع ذلك لا بد أن يسارع المؤمن إلى التصديق بأحب ماله على المحتاجين سواء كانوا من أقربائه أو اليتامى والمساكين الذين يتعففون عن سؤال الناس أو الغرباء، أو من تدفعهم الحاجة إلى السؤال، أو العبيد الأرقاء ليتحرروا من الرق.

**ثالثاً :** لا تقتصر الطاعة على العقيدة وبذل المال، بل لا بد من أداء ما فرضه الله من صلاة وزكاة وغيرها، مع وفاء بالعهد وصبر عند الشدائد ونزول المصائب واشتداد القتال وفي كل المواطن التي تحتاج إلى الصبر. فالذين يجمعون بين هذا كله من عقيدة وعبادة وعمل هم الصادقون في غيماهم وأعمالهم. ﴿أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ﴾ آية ٤ من سورة الأنفال.

## Pengajaran Ayat:

### Pertama :

Taat hanya pada Allah swt bukannya pada dakwaan yang didakwa manusia, bukan sekadar pergerakan yang dilakukannya tetapi himpunan akidah yang betul, ibadat yang ikhlas dan amal soleh yang memberi manfaat kepada manusia.

### Kedua :

Sesungguhnya antara kebaikan untuk manusia agar jangan sibukkan diri mereka dengan pandangan zahir atau menjadikan semua perkara pada mentaati Allah swt. Mereka perlu mengambil berat dengan asas dan matlamat ibadat keran Allah swt tidak melihat kepada rupa mereka tetapi kepada hati da amalan mereka.

نستفيد من هذه الآية

أولاً : أن الطاعة الخاصة لله ليست في دعاوى يدعيها الإنسان، ولا بمجرد حركات يقوم بها، ولكنه جماع العقيدة السليمة والعبادة المخلصة والعمل الصالح الذي ينفع الناس.

ثانياً : أن من الخير للناس ألا يشغلوا أنفسهم بالمظاهر أو يجعلوها كل شيء في طاعتهم لله، وعليهم أن يهتموا باللباب والأهداف، فإن الله لا ينظر إلى صورهم ولكن إلى قلوبهم وأعمالهم.



## ANTARA BENTUK-BENTUK SIFAT MUNAFIQ

Firman Allah swt:

*Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya) dan dia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal dia adalah orang yang amat keras permusuhanannya (kepadamu) (204)*

*Kemudian apabila dia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusaha dia di bumi, untuk melakukan bencana padanya dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia); sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan (205)*

*Dan apabila dikatakan kepadanya: "Bertakwalah engkau kepada Allah", timbullah kesombongannya dengan (meneruskan) dosa (yang dilakukannya itu). Oleh itu padanlah dia (menerima balasan azab) Neraka Jahanam dan demi sesungguhnya, (Neraka Jahanam itu) adalah seburuk-buruk tempat tinggal. (206) al*

Baqarah : 205-206

### Maksud perkataan

[ألد الخصام] Sangat memusuhi

[الحرث والنسل] Tanaman dan haiwan

[فحسبه] Cukuplah untuknya

[المهاد] Tempat tinggal manusia

### Huraian Ayat:

Ayat ini diturunkan pada akhnas bin syariq yang datang menemui Rasulullah saw dan menyatakan keislamannya. Dia bercakap dengan baginda dengan ucapan yang begitu menarik, sedangkan dia seorang munafik yang menipu Islam dan orang Islam. Lalu Allah membongkar rahsianya melalui ayat ini. Walaupun ayat ini diturunkan berkaitan dengan Akhnas, namun golongan seumpamanya tetap ada dalam semua masyarakat dan kita akan temuinya di setiap tempat. Mereka merupakan suatu yang buruk dan ujian kepada masyarakat, kita dapat kenali mereka melalui sifat-sifat yang dijelaskan oleh al Quran ketika memberitahu perkara tersebut kepada Rasulullah saw :

## من صور النفاق

قال الله تعالى:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيُشْهَدُ اللَّهُ عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ ﴿٢٠٥﴾ وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ ﴿٢٠٦﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِثْمِ ۗ فَحَسْبُهُمْ جَهَنَّمُ وَلَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾

### المفردات :

ألد الخصام : شديد الخصومة

الحرث والنسل : الزرع والحيوان

فحسبه : كافية

المهاد : المكان الممهد الذي يأوي إليه الإنسان

### المعنى العام :

نزلت هذه الآية في الأخنس بن شريق الذي جاء إلى رسول الله (ص) وأظهر إسلامه وحدثه بحديث أعجبه، وهو منافق يكيّد للإسلام والمسلمين، ففضحه الله بهذه الآيات، وهي وإن كانت نزلت بشأنه فإن أمثاله لا يوالون في كل مجتمع من المجتمعات، تصادفهم في كل مكان، وهم شر وبلاء على المجتمع. نعرفهم من الأوصاف التي حددها القرآن حين قال يخاطب الرسول ﷺ :

- 1- Segolongan manusia lidahnya manis, bicaranya memukau dan dapat menipu dengan bicaranya, kerana dalam hidup ini kita tidak dapat mengetahui apa yang ada dalam hati manusia. Kita lihat dengan manis bicaranya ia bersumpah dengan nama Allah dan menampakkan bahawa dia seorang yang ikhlas dan suci hatinya sedangkan sebenarnya dia seorang munafik, hitam hatinya dan sangat benci pada kamu.
- 2- Apabila dia meninggalkan kamu maka terserlahlah perangai jahatnya. Dia menyebarkan kejahatan di seluruh tempat dengan apa sahaja cara yang dia ada, agamanya tidak dapat memeliharanya atau hati kecil yang menghalangnya. Allah swt benci golongan manusia ini, kerana Allah swt tidak suka kejahatan dan orang-orang yang melakukan kejahatan.
- 3- Dia juga sombong dan tertipu. Dia menyangka tidak perlukan nasihat dan bimbingan. Apabila seseorang menasihatinya agar merasakan Allah swt memerhati segala amalannya maka dia akan marah dan memberontak serta berkeras meneruskan kerosakkannya. Golongan ini tidak ada tempat di akhirat kecuali neraka adalah tempat tinggalnya dan itulah seburuk-buruk tempat kembali. Semoga Allah menjauhkan kita dari golongan ini dan menjadikan kita di kalangan orang-orang yang mendengar perintah Allah swt dan mengikutinya

### **Pengajaran Ayat:**

*Pertama* : sebahagian manusia lahiriahnya amat menarik tetapi sebenarnya kejahatan melingkarinya yang wajib kita waspada.

*Kedua* : sombong dan enggan menerima nasihat dan bimbingan adalah satu dosa yang boleh membawa orang Itu ke neraka.

*Ketiga* : pemimpin kita perlu ikhlas zahir dan batin. Kita perlu menerima nasihat dan bimbingan, bersyukur dan mematuhi perintah (Allah swt).

١- إن من الناس صنفا حلوا اللسان تعجب بكلامه وتخدع بسحر حديثه، لأنك في الحياة لا تستطيع معرفة ما فيقلوب الناس وتراه مع حلاوة حديثه يلحف بالله. ويشهد على أنه إنسان مخلص طاهر القلب والسريرة مع أنه منافق أسود القلب شديد الخصومة والعداوة لك.

٢- فإذا قام من مجلسك ظهر على طبيعته السيئة، وأخذ يشيع الفساد في الأرض بكل ما يملك من وسائل، لا دين له يردعه، ولا ضمير يمنعه، والله سبحانه يبغض هذا الصنف من الناس لأنه لا يحب الفساد والمفسدين.

٣- وهو متكبر مغرور يظن أنه فوق النصح والتوجيه، فإذا أرشده أحد إلى وجوب مراقبة الله تعالى في أعماله، غضب وثار، وحملته الحمية والأنفة على التمادي في فساد. وهذا الصنف ليس له في الآخرة إلا النار مهادا ومصيرا وبئس المهام والمصير. أعاذنا الله أن نكون من هؤلاء وجعلنا من الذين يستمعون القول فيتبعون أحسنه.

**نستفيد من هذه الآيات :**

**أولا :** أن بعض الناس قد يعجبك ظاهره ولكنه شر مستطير يجب الحذر منه.

**ثانيا :** التكبر والتعالي على النصح والتوجيه ذنب يؤدي بصاحبه إلى النار.

**ثالثا :** يجب أن يكون رائدنا الإخلاص ظاهرا وباطنا، وأن نتقبل النصح والتوجيه والشكر والإمتثال.

## GANJARAN BERSEDEKAH DAN ADAB-ADABNYA

## أجر الصدقة وآدابها

Firman Allah swt:

*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya (261) Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan (agama) Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya) dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita". (262)*

Surah al Baqarah : 261 - 262

## Perbendaharaan kata

[يضاعف لمن يشأ] Ditambahkan pahala dengan ganjaran yang tidak terhitung.

[منا] Iaitu menyebut / mengungkit kepada orang yang kamu berikan kebaikan kepadanya

[ولا أذى] Kamu beritahu kepada orang ramai tentang kebaikan kamu untuk menunjuk-nunjuk dan mengaibkannya dengan ihsan kamu kepadanya.

## Huraian Ayat:

Islam mengambil berat agar masyarakat Islam dibangunkan atas dasar tolong-menolong yang ikhlas di kalangan anggota masyarakat. Dalam ayat ini Allah mengalakkan hambanya mengeluarkan hartanya kepada orang yang memerlukannya dan untuk kepentingan umum kepada umat Islam seperti masjid, sekolah dan hospital. Allah membuat perumpamaan kepada mereka tentang orang yang memperolehi pahala yang besar kerana mereka member. Allah berfirman: “ Sesungguhnya satu sedekah yang ia diberikan orang yang bersedekah dari

قال الله تعالى :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتَّبَعُونَ مِمَّا أَنْفَقُوا مِمَّا وَلَا أَدَىٰ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٦٢﴾

(سورة البقرة : ٢٦١ ، ٢٦٢)

## المفردات

يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ : يزيد الثواب بما لا يحصى

مِمَّا - المن : هو أن تذكر لمن أحسنت إليه فضائلك عليه

وَلَا أَدَىٰ - الأذى : أن تتحدث للناس عن إحسانك إليه تشهيرا به،

أو تعيره بالإحسان إليه.

## المعنى العام

يحرص الإسلام على أن يقيم المجتمع الإسلامي على أساس من التعاون الصادق بين أفرادِهِ. وفي هذه الآية الكريمة يرغب الله عباده في الإنفاق من أموالهم على المحتاجين، وعلى المصالح العامة للأمة كامساجد والمدارس والمستشفيات، فيضرب لهم مثلا يدركون منه مدى ما سينالون من ثواب عظيم على إنفاقهم، فيقول: إن الصدقة الواحدة التي يبذلها المتصدقون من

harta mereka kerana mengharapkan keredhaan Allah nescaya Allah gandakan pahalanya dan perbanyakkan seperti sebiji gandum yang ditanam petani di tanah yang baik, lalu Allah berkatinya dan mengeluarkan tujuh tangkai dan setiap tangkai itu ada 100 biji maka sebiji gandum itu mengeluarkan 700 biji. Begitulah pahala satu sedekah, Allah gandakan sehingga 700 kali ganda bahkan lebih banyak daripada itu lagi mengikut keikhlasan orang bersedekah yang hanya diketahui Allah. Dan Allah swt maha luas pemberiannya, maha mengetahui hati-hati hambanya.

Ayat kedua selepas itu, menerangkan kepada kita adab umum yang wajib di pelihara oleh orang yang bersedekah sehingga sedekah mereka akan menghasilkan buah yang diharapkan di dunia dan akhirat. Ayat ini menetapkan bahawa orang yang bersedekah dengan ikhlas kerana Allah swt dan memelihara perasaan orang yang menerima sedekah . maka mereka tidak berbangga dengan sedekah mereka dan tidak mengaibkan orang lain dengan kebaikan yang menyakitkan mereka. Allah telah menyediakan untuk mereka lebih daripada kedudukan mereka di dunia ini dengan pahala yang besar di akhirat kelak. Mereka tidak rasa takut pada hari itu ketika manusia takut dari huru hara hari kiamat, mereka tidak merasa sedih dan menyesal pada hari menyesalnya orang yang cuai atas amalan soleh yang mereka tinggalkan di dunia ini.

### **Pengajaran dua Ayat ini :**

**Pertama :** Suka memberi sumbangan pada perkara yang diredhai Allah swt selagi sumbangan ini ada pahala yang besar.

**Kedua :** Amaran daripada melukakan perasaan orang yang disedekahkan dan menyakit mereka serta memberitahu mereka kelebihannya berbanding mereka. Perkara tersebut selain menimbulkan kemarahan dan dendam mereka, ia juga akan menghilangkan pahala sedekah di sisi Allah swt.

أموالهم ابتغاء مرضاة الله يتضاعف ثوابها، ويتكاثر مثل الحبة من القمح يضعها الزارع في الأرض الجيد، فيبارك الله فيها ويأتي له بسبع سنابل في كل سنبله مائة حبة، فتكون الحبة الواحدة قد أنتجت سبعمائة حبة وهكذا ثواب الصدقة الواحدة، يضاعفه الله إلى سبعمائة ضعف بل إلى أكثر من ذلك حسبما يعلمه من إخلاص المتصدق، وهو سبحانه واسع العطاء، عليم بقلوب العباد.

وقد جاءت الآية الثانية بعد ذلك تبين لنا الآداب العامة التي يجب أن يراعيها المتصدقون، حتى تثمر صدقتهم الثمرة المرجوة في الدنيا والآخرة، فقررت أن الذين يتصدقون في إخلاص لله ومراعاة لشعور المتصدق عليهم فلا يباهون بصدقاتهم ولا يعيروهم بإحساناتهم إيذاء لهم، قد أعد الله لهم فوق منزلتهم في الدنيا أجرا عظيما في الآخرة، وسوف لا يشعرون يومذاك بخوف حين يخاف الناس من هول يوم القيامة، ولا يحسون حزنا ولا ندما يوم يحزن المقصرون على ما فاتهم في الدنيا من صالح الأعمال.

نستفيد من هاتين الآيتين

أولا : الحرص على الإنفاق فيما يرضى الله مادام للإنفاق هذا الثواب العظيم.

ثانيا : الحذر من حرج شعور المتصدق عليهم وإيذائهم وإشعارهم بالتفضل عليهم، فإن ذلك فوق أنه يثير سخطهم ونقمتهم يذهب بثواب الصدقة عند الله.

## IMAN IALAH KEYAKINAN DAN AMALAN

Firman Allah swt:

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri”(36)

Surah an Nisa' : 36

### Maksud perkataan

[الْجَارِ ذِي الْقُرْبَى] Orang yang ada hubungan kekeluargaan antara kamu dan dia.

[الْجَارِ الْجُنُبِ] Orang asing dengan kamu

[الصَّاحِبِ بِالْجَنبِ] Kawan kamu ketika musafir, kawan sekerja, sepengajian atau kawan-kawan yang lain

[مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ] Hamba sahaya

[مُخْتَالًا] Sombong / angkuh

[فَخُورًا] Banyak bercakap dan bangga dengan diri sendiri.

### Huraian Ayat:

Dalam ayat ini Allah member panduan kepada hambanya asas ibadat yang betul dan pergaulan yang baik. Allah swt menyuruh hambanya agar hanya padanya sahaja beribadat, merendah diri, takut dan harap. mereka tidak akan takut atau harapkan seseorang pun selain Allah. Kemudian Allah swt menyuruh selepas itu bergaul dengan manusia yang ada pertalian kekeluargaan sama ada dekat atau jauh dengan baik. Orang pertama ialah kedua ibubapa yang menanggung susah dan penat membesarkan kamu yang tidak ditanggung oleh orang lain. Kerana itulah banyak ayat al Quran dan hadis yang menyuruh berbuat baik kepada kedua ibubapa, melayan mereka dengan baik dan menunaikan hak-hak mereka.

## الإيمان عقيدة وعمل

قال الله تعالى :

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا﴾

(سورة النساء : ٣٦)

### المفردات

الْجَارِ ذِي الْقُرْبَى: الذي بينك وبينه صلة قرابة

الْجَارِ الْجُنُبِ : الغريب عنك

الصَّاحِبِ بِالْجَنبِ : رفيقك في السفر أو جليسك في العمل والدراسة وغيرهما

مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ : الأرقاء

مُخْتَالًا : متكبرا

فَخُورًا : كثير الكلام والفخر بنفسه

### المعنى العام

في هذه الآية الكريمة أرشد الله عباده إلى أساس العبادة الصحيحة والمعاملة الحسنة، فأمرهم أن يفرده وحده بالعبادة والخضوع، والخوف والرجاء فلا يخشون أو يرجون أحدا سواه. ثم أمرهم بعد ذلك بإحسان معاملة الناس الذي يتصلون بهم من قريب أو بعيد. وأولهم الوالدين الذان تحملا من التعب والإرهاق في سبيلك، ما لم يتحملة أحد سواهما ولذا كثر في القرآن والحديث التوصية بهما، وإحسان معاملتهما، وفاء لهما بحقوقهما.

*Firman Allah swt:*

*maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha" dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)" - Surah al isra' : 23*

### **Pengajaran Ayat:**

**Pertama** : wajib berpegang dengan kitab Allah dan mengambil berat penyatuan dan persaudaraan Islam di bawah naungan hidayahnya sehinggalah orang Islam itu kuat dan mulia.

**Kedua** : manusia perlu sentiasa mengingati nikmat Allah dan bersyukur dengan mentaati dan mematuhi perintahnya dengan sebaik mungkin.

﴿ فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴾ من سورة الإسراء : ٢٣

نستفيد من هذه الآية :

**أولاً** : وجوب التمسك بكتاب الله والحرص على الوحدة والأخوة الإسلامية في ظل هدايته، حتى تتحقق المسلمين القوة والعزة.

**ثانياً** : على الإنسان أن يتذكر دائماً نعم الله عليه، ويشكره عليها بحسن طاعته والامتثال له.

## SIFAT AMANAH DAN ADIL

## Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. Surah an Nisa' : 58

## Maksud perkataan

[الأمانات] Setiap perkara yang diamanahkan ke atasnya seperti hak-hak Allah swt atau hambaNya.

[نعما يعظكم به] Sebaik-baik perkara yang dimuliakan kamu ialah menunaikan segala amanat dan menghukum dengan adil.

## Huraian Ayat:

Ayat ini meletakkan untuk kita dua asas utama daripada asas lahirnya masyarakat yang baik dan penghakiman yang betul iaitu menunaikan amanah dan menghukum dengan adil.

Amanah adalah satu perkataan yang umum, ia merangkumi setiap perkara yang diamanahkan dan meminta anda menjaganya atau menunaikannya kepada Allah swt atau manusia. Harta yang diserahkan kepada kamu itu amanah, rahsia itu juga amanah, hak Allah swt itu amanah, hak manusia yang perlu kamu tunaikan itu amanah dan amalan kamu yang diwajibkan juga amanah.

Allah swt menyuruh agar ditunaikan amanah ini semuanya dengan cara yang betul tanpa sambil lewa sekali kamu dibebani dengan keletihan, kerana menunaikan amanah itu mendapat keredhaan Allah swt dan manusia serta memelihara kepentingan umum. Oleh kerana itulah dilarang mengkhianati amanah.

Firman Allah swt: *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”*.surah al Anfal: 27

## الأمانة والعدل

قال الله تعالى:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

(سورة النساء : ٥٨)

## المفردات

الأمانات : كل ما تؤمن عليه من حقوق الله أو حقوق العباد

نعما يعظكم به : نعم الشيء الذي يعظكم به وهو أداء الأمانات والحكم بالعدل.

## المعنى العام

هذه الآية الكريمة تضع لنا مبادئ عظيمين من مبادئ قيام المجتمع الصالح والحكم الرشيد وهما أداء الأمانات، والحكم بالعدل.

والأمانات كلمة عامة تشمل كل ما تؤمن عليه ويطلب منك المحافظة عليه، أو أدائه لله وللناس، فالمال المودع عندك أمانة، والسر أمانة، وحقوق الله أمانة، وحقوق الناس عليك أمانة، وعملك المكلف به أمانة.

والله يأمر أن تؤدي هذه الأمانات كلها على وجهها الصحيح ولا تفرط، مهما يكلفك ذلك من متاعب، لأن في أدائها رضا الله والناس، وحفظا للمصالح العامة. وفي التفريط فيها شقاء في الدنيا والآخرة وفساد للأعمال وضياع للمصالح. ولذا نهي عن خيانتها فقال: ﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴾ (سورة الأنفال : ٢٧)

Sabda Rasulullah saw: “tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tidak amanah”. Manakala sifat adil itu adalah asas tertegaknya kerajaan dan tersusunlah pentadbirannya kerana menyamakan dalam memberikan hak di antara manusia dan membahagikan tugas kepada mereka. Oleh kerana inilah Allah swt menyuruh setiap manusia sekalipun mereka itu adalah musuh ataupun bukan Islam. (Sifat ini perlua ada pada) Manusia yang menguruskan rumahtangganya, pemimpin dengan orang dipimpin, guru dengan pelajarinya, majlis perdamaian di antara dua orang yang bermusuhan. Seorang muslim perlu menjadi pemimpin yang sentiasa adil dalam setiap urusannya. Firman Allah swt: “*dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa*”. Surah al Maidah: 8

Besarnya sifat amanah dan adil serta kesannya yang begitu hebat dalam membina umat. Allah swt menyatakan kedua-duanya asas utama yang Allah berika petunjuk pada mereka dan wajibkan mereka menunaikannya. Dia maha mendengar kata-kata manusia, maha melihat amalan mereka dan akan membalasnya.

### **Pengajaran Ayat:**

Pertama : hebatnya sifat amanah kerana kedua-duanya dituntut pada orang Islam mempraktikkan dalam ucapan dan tingkah lakunya.

Kedua : manusia perlu merasakan Allah memerhati tindakannya terhadap kedua-dua sifat ini kerana Dia melihat dan membalas perbuatan mereka.

وقال الرسول ﷺ : لا إيمان لمن لا أمانة له. أما العدل فهو أساس قيام الملك وانتظام أموره، لأنه التسوية بين الناس في إعطائهم حقوقهم، وتوزيع الواجبات عليهم. لهذا أمر الله به لكل الناس ولو كانوا أعداء، بل ولو كانوا غير مسلمين... مطلوب من الإنسان في بيته ومن الرئيس بين مرعوسة، ومن المدرس بين طلابه، ومن مجالس الصالح بين المتخاصمين فالمسلم يجب أن يكون رائد العدل دائما في كل أموره.

﴿ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ﴾

(سورة المائدة : ٨)

ولعظم الأمانة والعدل وأثرهما الخطير في بناء الأمم أخبر الله أنهما أعظم المبادئ التي يرشدهم إليها ويلزمهم بها، وهو سميع لأقوالهم، بصير بأعمالهم ومجازيهم عليها.

يستفاد من هاتين الآيتين

أولا : عظم الأمانة والعدل، وأنهما مطلوبان من المسلم دائما في أقواله وأفعاله.

ثانيا : على الناس أن يراقبوا الله في أدائهما لأنه مطلع عليهم ومجازيهم.



## ADAB MEMBERI SALAM

Maksudnya:

“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu”. surah an Nisa’: (86)

### Maksud perkataan

[حَسِيبًا] Menghitung, memerhati, membalas

### Huraian Ayat:

Allah swt memberitahu kita dalam ayat yang mulia ini satu bentuk daripada ada-adab umum yang perlu dipelihara oleh orang Islam. Allah swt menunjukkan kita cara apabila seseorang member penghormatan kepada kita maka kita wajib menjawabnya dengan cara penghormatan yang sama atau lebih baik daripadanya. Cara penghormatan berbeza dari satu umat dengan umat yanglain. Ucapan hormat dalam Islam ialah salam sejahtera dan rahmat Allah ke atas kamu” .ucapan yang paling ringkas ialah “salam sejahtera” . Inilah ucapan hormat yang paling sesuai dengan Islam kerana ertinya “sejahtera” , Islam adalah agama yang selamat dan aman. Ucapan ini lebih baik daripada yang biasa digunakan orang Arab sebelum Islam atau sebahagian manusia sekarang, seperti “cukup nikmat pagi atau petang ini, “semoga Allah membahagiakan pagi atau petang kamu ini” sekalipun perkara ini tidak salah kerana ia doa yang baik tetapi yang terbaik bagi muslim berpegang dengan ucapan hormatnya yang khusus iaitu “sejahtera untuk kamu” dan janganlah mengikut orang lain dalam memberi ucapan hormat seperti “salam bahagia” , “selamat pagi” , “bye bye” dan bentuk ucapan hormat yang lain daripada barat kerana yang demikian itu lemahnya iman dan keperibadiannya.

Antara adab ucapan hormat ini ialah orang lebih tua memberi salam kepada yang lebih muda, yang menaiki kenderaan kepada yang berjalan kaki, yang berjalan kaki kepada yang duduk, kumpulan yang sedikit kepada kumpulan yang ramai orang. Memulakan salam itu adalah sunat yang dituntut, namun pastinya apabila mengabaikannya (tidak memberi salam) membawa kepada salah faham dan putus hubungan. Manakala membalas salam adalah wajib sama dengan jawapan yang sama atau lebih baik

## آداب التحية

قال الله تعالى :

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

(سورة النساء : ٨٦)

المفردات:

حَسِيبًا : محاسباً ومراقباً ومجازياً

### المعنى العام

يعلمنا الله في هذه الآية الكريمة نوعاً من الأداب العامة، التي يجب على المسلمين مراعاتها، فيرشدنا إلى أننا إذا حيانا أحد من الناس بتحية فيجب أن نرد عليه تحيته بمثلها أو بأحسن منها، والتحية تختلف من أمة إلى أمة وهي في الإسلام (السلام عليكم ورحمة الله وبركاته). وأقلها: (السلام عليكم) وهي تحية مناسبة للإسلام، لأن معناها السلام، وهو دين السلام، والأمان، وهذه الصيغة أحسن مما اعتاده العرب قبل الإسلام أو بعض الناس في هذا الزمان، مثل: أنعم صباحاً أو مساءً، أسعد الله صباحك أو مساءك. وإن كان هذا لا بأس به، لأنه دعاء حسن ولكن من الأفضل للمسلم أن يتمسك بتحيته الخاصة به وهي (السلام عليكم) ويمنع عن تقليد غيره في تحيته مثل (سعيدة ، بنسوار، باي باي) وغير ذلك من التحيات الغريبة فإن ذلك ضعف في إيمانه وشخصيته.

ومن آداب التحية أن يسلم الكبير على الصغير، والراكب على الماشي والماشي على القاعد، والقليل على الكثير: والبدء بالسلام سنة مؤكدة ولكنه قد يلزم إذا كان إهماله يؤدي إلى سوء تفاهم وقطيعة، وأما رده فواجب بمثله أو بأحسن منه.

Sebaiknya dengan menambahkan perkataan dalam salam tersebut atau menzahirkanperhatiannya dengan menjawab salam yang menyebabkan ia rasa orang lain mengenalinya.

Rasulullah saw bersabda: “sebarlanlah salam di antara kamu nescaya lahirlah kasih sayang di antara kamu” .

### **Pengajaran Ayat:**

Pertama : orang islam suka hubungan baiknya dengan orang lain dan memberi ucapan hormat dengan salam Islam.

Kedua : ia wajib menjawab salam itu dengan yang lebih baik atau sekurang-kurangnya salam yang sama kerana Allah swt melihat dan menyempurnakan balasanya.

والحسن أن يكون بزيادة ألفاظ عنه، أو بظهار العناية بالرد مما يحسه الناس يعرفونه.  
وقد قال الرسول ﷺ : (أفشوا السلام بينكم تحاببتم).

يستفاد من هذه الآية

أولا : أن يحرص المسلم على حسن صلته بالناس وتحيتهم بتحية الإسلام.

ثانيا : يجب عليه أن يرد التحية بأحسن منها أو بمثلها على الأقل، لأن الله مطلع عليه وهو موفيه جزاءه.

**BALASAN BAIK DAN BURUK**

Firman Allah swt:

*Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).*

Surah al An'am : 160

**Huraian Ayat:**

Perkataan dalam ayat ini adalah jelas. Ia merakamkan kurnian dan Rahmat Allah swt kepada manusia. Allah menyatakan perkara tersebut sebagai pembakar semangat untuk mereka melakukan ketaatan dan menambahkan habuan pahala mereka di hari kiamat. Sesungguhnya orang yang melakukan kebaikan dalam hidupnya, pada hari kiamat ia datang bersama kebaikan itu dalam buku catatan amalannya dan Allah swt akan membalas perbuatannya sepuluh kali ganda pahalanya bahkan digandakan pahala itu sehingga 700 kali ganda atau lebih banyak lagi daripada itu. Sesiapa yang ingin melakukan kebaikan tetapi tidak dapat melakukannya maka ditulis satu kebaikan untuknya. Janganlah rasa bersalah dengan pemberian Allah swt kerana rahmatNya amat luas. Sesungguhnya pahalaitu berbeza dengan berbezanya niat dan keikhlasan daripada orang yang melakukannya.

Antara rahmat Allah swt kepada hambanya, Ia tidak lakukan kepada orang yang melakukan kejahatan seperti cara ini lalu digandakan azabnya, bahkan Ia membalas orang jahat dengan kesalahan itu tanpa digandakan seksanya. Ini sekiranya Allah swt tidak mengampunkannya. Sesiapa yang ingin melakukan kejahatan kemudian datang rasa takut kepada Allah swt maka ditulis untuknya satu kebaikan. Allah swt tidak menzalimi seorang pun dari makhluknya. Orang yang melakukan kebaikan itu tidak mengurangkan sedikitpun pahaNya dan orang yang melakukan kejahatan itu tidak menambahkan juga balasanNya.

**Pengajaran Ayat:**

Rahmat Allah swt kepada hambaNya amatlah luas. Ia tidak menzalimi seorangpun daripada makhlukNya. Kita wajib menambahkan lagi kurnia dan pahalanya untuk kebaikan kita.

**جزاء الحسنة والسيئة**

قال الله تعالى:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا تُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

(سورة الأنعام : ١٦٠)

**المعنى العام**

مفردات هذه الآية واضحة، وهي تسجل فضل الله ورحمته على عباده، وتعلنهم بذلك مقدا تشجيعهم على الطاعة، وعلى الاستزادة من رصيدهم في ثواب الله يوم القيامة، فإن الذي يفعل الحسنة في حياته، ويأتي بها يوم القيامة في صحيفة أعماله، يكافئه الله عليها، عشرة أمثال ثوابها، بل يضاعف الثواب إلى سبعمائة ضعف، وإلى أكثر من ذلك، ومن هم بحسنة ولم يستطع عملها كتبت له حسنة، ولا حرج على فضل الله، فإن رحمته واسعة، وإنما يتفاوت الثواب بتفاوت النية، والإخلاص من العاملين.

ومن رحمة الله بعباده، أنه لا يعامل المسيئين هذه المعاملة، فيضاعف من عذابهم، بل يعاقب المسيء على السيئة، دون مضاعفة العقاب، هذا إذا لم يغفرها الله له. ومن هم بسيئة ثم أعرض عنها خشية من الله، كتبت له الحسنة، والله لا يظلم أحدا من خلقه فلا ينقص المحسن شيئا من ثوابه، ولا يزيد المسيء فوق جزائه.

المغزى / ما يستفاد من هذه الآية:

أن رحمة الله بعباده واسعة، وأنه لا يظلم أحدا من خلقه، وعلينا أن نستزيد من فضله وثوابه

## ASAS-ASAS UTAMA

Firman Allah swt:

*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.*

Surah an Nahl : 90

## Perbendaharaan kata

[الْعَدْلِ] Sama rata di antara manusia dalam hak dan kewajiban mereka.

[الْإِحْسَانِ] Mencari yang terbaik dalam apa yang kamu ucapkan dan lakukan.

[إِيَّتَايَ ذِي الْقُرْبَى] memberi kepada keluarga yang terdekat dan menyambungkan silaturrahim.

[الْفَحْشَاءِ] Dosa-dosa yang dicela seperti zina.

[الْمُنْكَرِ] Apa yang ditegah oleh akal dan syara'

[الْبَغْيِ] Menceroboh hak manusia.

[لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ] Kamu mengambil pengajaran. Perkataan (لَعَلَّ) bermaksud harapan. Ini mustahil lahir daripada Allah swt. Huraian yang lebih baik ialah dengan maksud "supaya" : supaya kamu mengambil pengajaran.

## Huraian Ayat:

Ayat ini mengandungi asas-asas penting yang amat diperlukan supaya kehidupan ini teratur. Dalam ayat ini Allah menyuruh hambanya memelihara keadilan dalam setiap urusan mereka maka mereka akan berlaku adil di antara manusia. mereka akan mengadili manusia dengan benar, berkata benar sekali terhadap diri mereka sendiri. Nafsu tidak mempengaruhi mereka untuk mengubah kebenaran.

## مبادئ مهمة

قال الله تعالى:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

(سورة النحل : ٩٠)

## المفردات

الْعَدْلِ : التسوية في حقوقهم وواجباتهم

الْإِحْسَانِ : أن تقصد الأحسن في كل ما تقول وتفعل

إِيَّتَايَ ذِي الْقُرْبَى : إعطاء القريب وصلته

الْفَحْشَاءِ : ما يفحش ويعظم من الذنوب كالزنا

الْمُنْكَرِ : ما ينكره العقل والشرع

الْبَغْيِ : التناول على الناس

لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ : تتعظون، ولعل للرجاء، وهو لا يعقل صدوره من الله، والأحسن تفسيرها

بمعنى التعليل أي لكي تتذكروا.

## المعنى العام

اشتملت هذه الآية على مبادئ مهمة لا بد منها لانتظام أمور الحياة. ففيها يامر الله عباده

بمراعاة العدل في كل أمورهم، فيسويوا بين الناس، ويحكموا بينهم بالإنصاف، ويقولوا كلمة

الحق، ولو على أنفسهم فلا يحملهم الهوى على تغيير الحقيقة.

Firman Allah swt: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu”. Surah an-Nisa’:135.

Di samping berlaku adil, Allah swt menyuruh berbuat ihsan iaitu seseorang yang melakukan sesuatu yang lebih baik sama ada pada perbuatan atau kata-katanya. Apabila terdapat dua cara yang mana kedua-duanya adalah dibolehkan, ia memilih yang lebih baik dan lebih mulia. Maka ia membalas kebaikan dengan yang lebih baik lagi atau membalas kejahatan dengan kebaikan dan bukan hanya berpada dengan yang wajib (dilakukan) sahaja, bahkan ia menambah di atas yang wajib itu. Ia sentiasa tekun dan teliti dalam kerjanya.

Di samping berlaku adil dan ihsan, Allah swt menyuruh agar kita menyambung hubungan kekeluargaan dengan harta dan kasih sayang yang mampu disumbangkan sehinggalah ikatan ini menjadi kuat di antara kaum kerabat dan sentiasa tolong menolong di antara mereka.

Di samping sifat-sifat yang wajib dan penting ini yang diperintahkan Allah, Allah swt juga melarang daripada melakukan dosa kejahatan dan kemungkaran-kemungkaran yang lain yang telah diakuikan syara’ dan akal. Allah swt juga melarang berlaku zalim dan menceroob hak orang lain agar semuanya hidup dengan kasih sayang. Allah swt menunjuk manusia dengan sifat ini yang memberi kebaikan kepada mereka supaya mereka mengingati rahmat dan kurniaanNya. Seterusnya manusia akan ikhlas mentaati dan tunduk kepadaNya.

#### **Pengajaran Ayat:**

**Pertama** : kewajipan setiap manusia menjunjung segala perintah Allah swt seperti berlaku adil, ihsan dan menghubungkan ikatan kekeluargaan.

**Kedua** : menjauhi apa yang ditegahNya seperti kejahatan, kemungkaran dan menzalimi manusia, kerana zalim itu adalah tempat suburnya perkara yang dilarang oleh Allah.

**Ketiga** : hendaklah manusia itu sentiasa mengingati kurniaan Allah padanya, dan dengan hidayahNya untuk melakukan perkara yang memberi kebaikan kepadanya. Oleh itu hendaklah ia sentiasa mentaatiNya.

﴿ كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ﴾

[سورة النساء : ١٣٥]

ومع العدل أمر الله بالإحسان، وهو أن يتجه الإنسان إلى الأحسن في فعله وقوله، فإذا وجد طريقين كلاهما جائز، اختار أحسنهما وأكرمهما فيقابل الخير بأكثر منه والسيئة بالحسنة ولا يقتصر على الواجب، بل يزيد عليه، ويحرص دائماً على إتقان عمله وإجادته

ومع العدل والإحسان يأمر الله أن يصل كل منا ذوي قرابته، بما يستطيع من مال ومودة، حتى تظل الرابطة قوية بين الأقارب، ويدوم التعاون بينهم.

وبجوار هذه الواجبات الهامة التي أمر الله بها، نهي عن فعل الذنوب الفاحشة وعن غيرها من المنكرات، التي لا يقرها شرع ولا عقل، كما نهي عن ظلم، والإعتداء على حقوق الناس، حتى يعيش الجمع متحابين، والله سبحانه وتعالى، يرشدهم بهذا إلى ما فيه صلاحهم، ليتذكروا رحمته وفضله، فيخلصوا له الطاعة والإنقياد.

نستفيد من هذه الآية

أولاً : أن من الواجب على كل إنسان، أن يستجيب لما أمر الله به، من العدل والإحسان، وصلة الأقارب.

ثانياً : أن يتعد عما نهاه عنه، من الفحشاء، والمنكرات، وظلم الناس فإن الظلم مرتعه وخيم.

ثالثاً : وعليه أن يتذكر دائماً فضل الله عليه، بهدأيته إلى ما ينفعه فيحرص على طاعته.